179	SEKOLAH RENDAH ISLAM DARUL THULAB	271
180	MAAHAD TARBIYAH ISLAMIAH AL ANSAR	302
181	SEKOLAH RENDAH ISLAM AS SAKINAH	380
182	SEKOLAH AGAMA MENENGAH BESTARI	710
183	SEK. REN. ISLAM INTEGRASI PINTAR SAUJANA UTAMA	154

SEKOLAH AGAMA RAKYAT		
BIL	NAMA SEKOLAH	JUMLAH PELAJAR
184	SEKOLAH MENENGAH RAWANG	756
185	SEKOLAH RENDAH ISLAM BAHRUL ULUM	62
186	SEK. REN. AGAMA INTEGRASI BANDAR BARU BANGI	1022
187	SEKOLAH RENDAH ISLAM AL-MUNAWWARAH	153
188	SEKOLAH RENDAH ISLAM AL-MARDHIYAH	341
189	SEKOLAH RENDAH ISLAAM AQIL AMSYAR	95
190	SEKOLAH RENDAH ISLAM INTEGRASI PINTAR BUKIT JELUTONG DENAI ALAM	101
191	SEKOLAH RENDAH ISLAM INTEGRASI TAHFIZ AS-SYAKIRIN	183
192	SEKOLAH MENENGAH ISLAM INTEGRASI TAHFIZ AS SYAKIRIN	93
193	SEKOLAH AGAMA RAKYAT AS-SUFLA	351
194	SRI TAHFIZ (KAFA) PINGGIRAN PUTRA AL-HAMIDY	29
195	AKADEMI SYAADAH TAHFIZ AL-FAIZIN (ASTAF)	21
196	SEKOLAH MENENGAH ISLAM ABIM SUNGAI RAMAL	171
197	SEKOLAH AGAMA RAKYAT AL-FALAH PANDAN JAYA	140
198	SEKOLAH RENDAH ISLAM SAUJANA IMPIAN	79
199	KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ZULKIFLI MUHAMMAD	92
200	SEKOLAH AGAMA RAKYAT AL-KHAIRIAH	364
201	SEKOLAH RENDAH ISLAM AD DARIS	493
202	AKADEMI TAHFIZ IHYA' UL QURAN (ATIQ)	32
203	PRA TAHFIZ & PLAYSCHOOL AS SYAKIRIN	16
204	TAHFIZ AL IMAN	65
205	SEKOLAH AGAMA RAKYAT AL-MANARAH	86
206	DARUL ULUM AL-FURQANI	76

SEKOLAH AGAMA RAKYAT		
BIL	NAMA SEKOLAH	JUMLAH PELAJAR
207	SEKOLAH ISLAM INTEGRASI SAFINATUN NAJAH	295
208	SEKOLAH AGAMA RAKYAT AL IKHWAN	274
209	PUSAT AS SOLIHIN	153
210	SEKOLAH AGAMA RAKYAT TAHFIZ AL-QURAN	50
211	SEKOLAH MITHALI KHALIFAH	177
212	SEKOLAH AGAMA RAKYAAT KAFA (I) BATALION 4 PGA	287
213	SEKOLAH RENDAH ISLAM INTEGRASI PINTAR TAHFIZ FUQAHA	168
214	SEKOLAH TAHFIZ AL-MANSOORAH	52
215	SEKOLAH RENDAH ISLAM AL-HIKMAH	126
216	SEKOLALAH RENDAH ISLAM AL FIRDAUS	95
217	SEKOLAH MENENGAH INTEGRASI TAHFIZ ILMUWAN	165
218	SRA INTEGRASI SUNGAI MANGGIS	552
219	PUSAT AKADEMI IBNU SINA	34
220	SEKOLAH AGAMA RAKYAT AL MUHAJIRIN	152
221	SEKOLAH RENDAH ISLAM AL BUSYRA	152
222	SEKOLAH RENDAH AGAMA BUKIT CHANGGANG	872
223	SEKOLAH RENDAH ISLAM AL HUDA	79
224	SEKOALH RENDAH ISLAM AL MUTTAQIN	170
225	SEKOLAH AGAMA RAKYAT AL HILALIAH	233
226	SEKOLAH RENDAH ISLAM IQRA' AL HAFIZ	227
227	SEKOLAH RENDAH ISLAM AN - NAJIHIN BUKIT SUBANG	122
228	SEKOLAH KEBANGSAAN KAMPUNG IDAMAN	1368
229	SEKOLAH RENDAH ISLAM AL FUDHAIL	104

SEKOLAH AGAMA RAKYAT		
BIL	NAMA SEKOLAH	JUMLAH PELAJAR
230	SEKOLAH AGAMA RAKYAT MADRASAH AL ITTIHAD	165
231	SEKOLAH RENDAH ISLAM AL IMAN	212
232	SRI AL ITQAN	239
233	SRI AT TANZEEL	44
234	QURANIC GENERATION INTEGRATED ISLAMIC SCHOOL	205
235	CMI EDUCATION CENTRE	17
236	AL FATEH QURAN ACADEMY	26
237	PUSAT AKADEMI AL FIRZANA	96
238	SRI NUR AL FURQAN	126
239	SRI AL ISLAH AT TAQWA	80
240	DARUL QURAN NURUL HASANAH	57
241	SEKOLAH RENDAH ISLAM AN NUR SARAN	163
242	SEKOLAH AGAMA RAKYAT KAMPUNG SUNGAI KERTAS	158
243	SEKOLAH RENDAH ISLAM DARUL THULAB SELAYANG	271
244	SEKOLAH RENDAH ISLAM DARUL THULAB GOMBAK	271
245	SEKOLAH RENDAH ISLAM AS SOBIRIN	52
246	SAR NAHDATUL ISLAMIAH TMN LINDUNGAN JAYA	523
247	SEKOLAH RENDAH ISLAM AL HUSNA	130
248	SEKOLAH RENDAH ISLAM AN NAJAH	34
249	MADRASATUL QURAN WASUNNAH	40
250	SEKOLAH RENDAH ISLAM INTEGRASI AL FATIH	27
251	SEKOLAH RENDAH ISLAM SAIDATINA KHADIJAH	239
252	SEKOLAH MENENGAH ISLAM AL FATIH	25

SEKOLAH AGAMA RAKYAT		
BIL	NAMA SEKOLAH	JUMLAH PELAJAR
253	AL ANWAR EDUCATION GROUP SDN BHD	15
254	AKADEMI AL FATIH	12
255	SEKOLAH RENDAH ISLAM AR RAZZI	88
256	AKADEMI ALQURAN AT TIRMIZI	95
257	SEKOLAH RENDAH ISLAM INTEGRASI IHYA' AL-AHMADI	122
258	MADRASAH IHYA AL AHMADI	246
259	SEKOLAH RENDAH ISLAM RAUDHATUL IMAN	189
260	SEKOLAH AGAMA RAKYAT MASJID AL-FALAH	689
261	SEKOLAH RENDAH ISLAM SAIDINA ABU BAKAR	197
262	SEKOLAH RENDAH ISLAM RAUDHATUL AULAD	43
263	SEKOLAH RENDAH ISLAM SRI SURIA	77
264	SEKOLAH RENDH ISLAM AL MAWADDAH	305
265	SEKOLAH RENDAH ISLAM NUR HIKMAH BSS	57
266	SEKOLAH RENDAH ISLAM AL HAKEEMI MERU	20
267	SEKOLAH RENDAH ISLAM AL HAKEEMI	93
268	SEKOLAH RENDAH ISLAM FITRAH	22
269	SEKOLAH RENDAH ISLAM AL AMIN KERAMAT	696
270	SEKOLAH RENDAH ISLAM RAUDHATUL HUFFAZ	49
271	SEKOLAH RENDAH ISLAM INTEGRASI MIFTA HUL HIKMAH	82
272	SEKOLAH RENDAH INTEGRASI TERAS ISLAM SHAH ALAM	21
273	SEKOLAH RENDAH ISLAM AL - ANWAR	28
274	PUSAT ASSOLIHIN LIL BANAT	153
275	SEKOLAH RENDAH INTEGRASI TERAS ISLAM DARUL AMILIN	57

SEKOLAH AGAMA RAKYAT		
BIL	NAMA SEKOLAH	JUMLAH PELAJAR
276	SEKOLAH MENENGAH AL AMIN ULU KLANG	14
277	SEKOLAH RENDAH ISLAM AL HUSNA	90
278	SEKOLAH AL RUMI	30
279	SEKOLAH AL GHAZALI	30

TAHFIZ		
BIL	NAMA SEKOLAH	JUMLAH PELAJAR
1	MAAHAD TAHFIZ AT-TIJARAH	418
2	PUSAT TAHFIZ AL NASAR	62
3	SAMR MAAHAD TAHFIZ AL-QURAN WALQIRAAT	43
4	PUSAT TAHFIZ AL QURAN SOFIUDDIN	48
5	MAAHAD HAFIZ JERAM (BANAT)	300
6	MAAHAD TAHFIZ AL-QURAN AT-TAQWA	93
7	MAAHAD TAHFIZ TAHSIN AL-QURAN	50
8	SEK. AGAMA MEN. RAKYAT MAAHAD TAHFIZ ALQURAN	80
9	SM TAHFIZ INTEGRASI SRI PINTAR	30
10	SEKOLAH TAHFIZ INTEGRASI ILMU	0
11	PUSAT TAHFIZ AL-QURAN AL-FUDHAIL	343
12	MAAHAD TAHFIZ MASJID AL-RIDHUAN	95
13	MAAHAD TAHFIZ ALHIDAYAH WAL EHSAN	160
14	MAAHAD TAHFIZ AL FADHNI	220
15	MAAHAD TAHFIZ AL-KHOLIDI	30
16	OPEN TAHFIZ CENTRE	106
17	MAAHAD TAHFIZ AZ ZAHRAH	101

TAHFIZ		
BIL	NAMA SEKOLAH	JUMLAH PELAJAR
18	MAAHAD TAHFIZ AL-QURAN WAL IMAMAH	54
19	MARKAZ TAHFIZ WAL TARBIAH DARUL EHSAN	29
20	DARUL TAHFIZ SRI AL-AIN	70
21	SEKOLAH RENDAH TAHFIZ AT-TAZKIRAH	162
22	SRI TAHFIZ AL QURAN SG. SERAI	76
23	MAAHAD TAHFIZ KIBLAH	139
24	MA'AHAD TAHFIZ SALEHUDDIN	40
25	MADRASAH TAHFIZ NURUL HUDA	27
26	INSTITUT TAHFIZ MASJID AL-MUNAWARAH (ITMAM)	61
27	MAAHAD TAHFIZ AKADEMI IQRO' AL-QURAN	100
28	MAAHAD TAHFIZ SAINS & TEKNOLOGI DARUL EHSAN	55
29	MAAHAD TAHFIZ DARUL HAFIDZIN	151
30	MAAHAD TAHFIZ DARUL HAFIDZIN LIL BANAT	28
31	MA'AHAD TAHFIZ ANNUUR AL ISLAMI	73
32	MAAHAD TAHFIZ AL-MUQRI	72
33	MAAHAD TAHFIZ AL-QURAN DARUL FALAH	81
34	MAAHAD TAHFIZ AL-MUNIRAH	27
35	MAAHAD TAHFIZ AL-QURAN SABIL AL-RASYAD	33
36	MAAHAD TAHFIZ AL-ITQAAN	188
37	MAAHAD TAHFIZ AN-NUR AL-ISLAMI	75
38	MAAHAD TAHFIZ ISTIQOMATUDDIN	73
39	MAAHAD TAHFIZ KASHFUL ULUM	20
40	MAAHAD TAHFIZ MIFTAH AL-ULUM	100
41	MADRASAH TAHFIZ AL FURQAN	65

TAHFIZ		
BIL	NAMA SEKOLAH	JUMLAH PELAJAR
42	DARUL TAHFIZ UMMUL QURA JALAN KEBUN	80
43	DARUL QURAN MAAHAD TAHFIZ AL-QURAN WA ULUMUDDIN	15
44	MAAHAD TAHFIZ DARUL ULOOM	50
45	MAAHAD DAKWAH WA IRSYAD MOHD AL FATEH	82
46	RAUDOH AL-QURAN	204
47	TADIKA HAFIZ	80
48	MAAHAD TAHFIZ AL-QURAN DAR AL-NAJAH	40
49	MAAHAD AKADEMI TAHFIZ DARUL MUSTOFA	23
50	PUSAT TAHFIZ AL QURAN SOFIUDDIN 2	55
51	AKADEMI DARUL HUFFAZ	304
52	SCHOOL OF TAHFIZ AL QURAN & ARABIC MALAYSIA	340
53	MADRASAH TAHFIZ AL-HIRAH	128
54	AKADEMI TAHFIZ IHYA 'ULUM WAHYU	22
55	TAHFIZ QURAN AL NURIAH	28
56	DAR AL-HIKMAH (MAAHAD TAHFIZ INTEGRASI)	131
57	TAHFIZ AL-QURAN SRI RAUDHAH	25
58	SAR TAHFIZ AL-QURAN MUHAMADIAH	32
59	INSTITUT LATIHAN ILMUAN AL-QURAN	8890
60	MAAHAD TAHFIZ AL QURAN WAL QIRAAT SHAH ALAM	77
61	PRA-TAHFIZ SEKOLAH ISLAM AL-FARABI	193
62	TADIKA HAFIZ	80
63	MAAHAD TAHFIZ AL-QURAN DAR AL-NAJAH	18
64	MAAHAD AKADEMI TAHFIZ DARUL MUSTOFA	21

TAHFIZ		
BIL	NAMA SEKOLAH	JUMLAH PELAJAR
65	PUSAT TAHFIZ AL QURAN SOFIUDDIN 2	89
66	AKADEMIK DARUL HUFFAZ	304
67	SCHOOL OF TAHFIZ AL QURAN & ARABIC MALAYSIA	330
68	MADRASAH TAHFIZ AN NAJAH	40
69	AKADEMI TAHFIZ IHYA 'ULUM WAHYU	22
70	TAHFIZ QURAN AL NURIAH	30
71	MAAHAD TAHFIZ INTEGRASI DAR AL - HIKMAH	131
72	MAHD TAHFIZ ARABIC ALGONTORY	100
73	MAAHAD HABIBULLAH AL HAFIZ	52
74	SEKOLAH RENDAH ISLAM AL FIRDAUS KLANG	330
75	PUSAT PENGAJIAN DARUL HUDA (INSTITUTE TAHFIZ QURAN SCHOOL)	25
76	MAAHAD TARBIYAH ISLAMIAH AL-ANSAR	280
77	TAHFIZ AN-NUR BESTARI	63
78	MAAHAD TAHFIZ UMMUL QURA	141
79	SEKOLAH TAHFIZ ANAK YATIM ALKITAB	8
80	PUSAT TAHFIZ AL QURAN SOFIUDDIN 3	8
81	MAAHAD HAFIZ SUNGAI PINANG	355
82	MAAHAD TAHFIZ AL-QURAN AL-AMIN	872
83	MAAHAD INTEGRASI TAHFIZUL QURAN AN NASRD ITQAN	20
84	MAAHAD TAHFIZ AL-QURAN AL-KHAIRIAH	22
85	MADRASAH TAHFIZ BAITUL MAHABBAH	51
86	MAAHAD TAHFIZ MUMTAZATUT-TAQWA	74
87	MAAHAD HAFIZ KLANG	595

TAHFIZ		
BIL	NAMA SEKOLAH	JUMLAH PELAJAR
88	MAAHAD TAHFIZ DARUL SOLEHAH	52
89	MAAHAD TAHFIZ KHALIFAH ABD KHALIP	10
90	MADRASAH TAHFIZ AL-QURAN LIL BANIN/BANAT	200
91	MAHAAD JAMIUL HASANAT	15
92	SEKOLAH MENENGAH TAHFIZ HARAPAN	147
93	SEKOLAH RENDAH INTEGRASI TAHFIZ ILMUAN	616
94	TAHFIZ DARUL FURQAN	55
95	MAAHAD TAHFIZ BAITUL EHSAN	90
96	TAHFIZ SURAU AL-AZIZIAH	63
97	MAAHAD TAHFIZ AL-QURAN QASIMUL ULUM	182
98	MAAHAD IHYA AL AHMADI	456
99	MAAHAD TAHFIZ MANBAUL HUFFAZ	85
100	MAAHAD TAHFIZ ALFIRDAUS LIL BANIN	40
101	MAAHAD TAHFIZ ALFIRDAUS LIL BANAT	120
102	PUSAT PENGAJIAN RAUDHOTUL TAHFIZ AN-NUR	54
103	MADRASATUL QURAN AL RIDZUAN	42
104	MAAHAD TAHFIZ AMAN BISTARI	81
105	TAHFIZ DARUL ISLAH LIL BANAT	51
106	MADRASAH TAHFIZ MUSTAMI' ULUM	17
107	MAAHAD DARUL FAQEH	70
108	MADRASAH TAHFIZ AL QURAN AR RAHMANIAH	75
109	MAAHAD TAHFIZ AL MUNAWWARAH	60
110	MAAHAD TAHFIZ AL-QURAN MISBAHUL FALAH	31
111	MAAHAD TAHFIZ AR-RUQAIYYAH	65

TAHFIZ		
BIL	NAMA SEKOLAH	JUMLAH PELAJAR
112	MADRASAH TAHFIZ ALQURAN AL-UKHUWWAH	128
113	AKADEMI TAHFIZ AL-QURAN CINTA MADINAH	62
114	MAAHAD TAHFIZ NURUL HUDA	40
115	MAAHAD TAHFIZ AL QURAN AL HIJRAH	60
116	MAAHAD TAHFIZ HIDAYATUL MUSTAQIM	30
117	PUSAT TAHFIZ AD DINIYYAH	17
118	MA'HAD TAHFIZ AL-QURAN AL-IMAM ASY-SYAAFIE	33
119	MADRASAH TAHFIZ AL-FALAH	15
120	MAAHAD TAHFIZ AL-QURAN LIL MUTTAQIN	161
121	MAAHAD TAHFIZ AL QURAN SABIL AL RASYAD LIL BANAT	51
122	MAAHAD UTHMANI	38
123	MAAHAD TARBIYAH WA TAHFIZ DARUL MUARRIF	27
124	PUSAT PENGAJIAN ISLAM & TAHFIZ QURAN	72
125	MADRASATUL QURAN YAAKUBIYAH (SUBANG JAYA)	60
126	SEKOLAH RENDAH ISLAM INTEGRASI PINTAR TAHFIZ FUQAHA	185
127	MAAHAD TAHFIZ AL-QURAN SABIL AL-RASYAD	25
128	MAAHAD TAHFIZ SAINS FATIMAH AZ ZAHRAH	293
129	SEKOLAH MENENGAH INTEGRASI TAHFIZ ILMUAN	83
130	SEKOLAH MENENGAH ISLAM MADRASAH DARUL MUJAHIDIN	76
131	KOLEJ INTEGRASI TAHFIZ TUNAS ILMUWAN SELANGOR	181
132	SEK. MEN. AGAMA SARAN & TAHFIZ (SMAS)	65
133	PUSAT TAHFIZ RIBAT AL-FATEH	10
134	MAAHAD TAHFIZ IMANIYYAH ZAHIDIYYAH	30

TAHFIZ		
BIL	NAMA SEKOLAH	JUMLAH PELAJAR
135	MAAHAD TAHFIZ AL ISLAH	24
136	MADRASAH TAHFIS PEKAN SUNGAI BULOH , JERAM	30
137	MADRASAH TAHFIZ AL AZIZ RESOURCES	16
138	MADRASAH TAHFIZ AL- FATHONAH	20
139	MADRASH TAHFIZ ALI	53
140	MAAHAD TAHFIZ AL FATEH	22
141	MAAHAD TAHFIZ AS-SYATIBI	21
142	PUSAT TAHFIZ IZZATUL HUDA	11
143	PUSAT PENGAJIAN AL-QURAN DAN TAHFIZ AL- ULUM	32
144	MADRASAH TAHFIZ AL QURAN HIDAYAH MUTTAQIN (LIL BANAT)	175
145	AKADEMI SYAHADAH TAHFIZ AL-FAIZIN (ASTAF)	107
146	SCHOOL OF TAHFIZ AL-QURAN & ARABIC MALAYSIA	380
147	MAAHAD TAHFIZ AL-QURAN SABIL AR-RASHAD	25
148	MAAHAD TAHFIZ ISLAMI	65
149	KOMPLEKS TAHFIZ AL QURAN & SUKAN SOFIUDDIN	44
150	SEKOLAH MENENGAH ISLAM TAHFIZ FELDA SG TENGI	45
151	AKADEMI TAHFIZ IHYA UL QURAN	35
152	MAAHAD TAHFIZ AL FATEH JALAN KEBUN	26
153	MAAHAD TAHFIZ AL-HIKMAH	10
154	MADRASAH TAHFIZ AL HIRAH	152
155	MADRASH TAHFIZ DARUL FURQAN	16
156	MAAHAD TAHFIZ AL'AZIM	53
157	MAAHAD TAHFIZ AL QURAN SABIL AL RASYAD PUNCAK ALAM	25

TAHFIZ		
BIL	NAMA SEKOLAH	JUMLAH PELAJAR
158	RAUDHOH TAHFIDZ AL-QURAN	65
159	SEKOLAH TAHFIZ AL MANSOORAH	36
160	MAAHAD TAHFIZ AL-HUSNI	50
161	SEKOLAH TAHFIZ SUFI AL -MIZAN	113
162	MAAHAD TAHFIZ AL -QURAN HIDAYATUL MUTTAQIN	76
163	AKADEMI TAHFIZ ALQURAN AS SAKINAH	45
164	MADRASAH TAHFIZ DARUL MA'WA	33
165	SAR TAHFIZ AL-QURAN MUHAMADIAH	30
166	MAAHAD TAHFIZ DARUL AZHAR	105
167	MAAHAD TAHFIZ MUMTAZATUT-TAQWA LIL BANIN	74
168	MADRASAHTAHFIZ MIFTAHUL ULUM	570
169	DARUL UMMAH: AKADEMI & TAHFIZ	52
170	MAAHAD TAHFIZ KEUSAHAWANAN ISLAM ALFAFA	33
171	MAHD TAHFIZ ARABIC ALGONTORY 2	85
172	MAAHAD TAHFIZ BUSTANUL ARIFAT	60
173	MAAHAD TAHFIZ RAUDHATUS SALAM	43
174	MADRASAH TAHFIZ AL QURAN BIDAYATUL HIDAYAH	10
175	MAAHAD TAHFIZ ULUMUL HUDA LIL BANAT	101
176	PRA TAHFIZ & PLAYSCHOOL ASSYAKIRIN	36
177	MAAHAD TAHFIZ AL FADHNI	65
178	MAAHAD TAHFIZ DARUL HUFAZ	35
179	MAAHAD TAHFIZ MAZAHIR ULOOM	22
180	MAAHAD TAHFIZ BUSTANUL ARIFIN	158

TAHFIZ		
BIL	NAMA SEKOLAH	JUMLAH PELAJAR
181	MADRASAH AL HUFFAZ WAL ULUM	69
182	MAAHAD TAHFIZ AKADEMI MIFTAHUL ULUM	46
183	MAAHAD TAHFIZ ULUMUL HUDA LIL BANAT	99
184	AKADEMI ISLAM TAHFIZ MANDARIN	32
185	MADRASAH TAHFIZ ASY SYAKIRIN	40
186	MAAHAD TAHFIZ AN-NUR	30
187	SEKOLAH QIRAAT TAHFIZ QURAN SERENDAH	62
188	SEKOLAH RENDAH ISLAM INTEGRASI & TAHFIZ SARAN	132
189	INSTITUT TAHFIZ AL-QURAN PROFESIONAL	3
190	MAAHAF TAHFIZ AL MAWADDAAH	76
191	MAAHAD TAHFIZ DARUL ISLAH	51
192	TAHFIZ MAWADDAAH	21
193	SEKOLAH RENDAH ISLAM INTEGRASI TAHFIZ AS-SYAKIRIN	183
194	PUSAT PENGAJIAN HAYATUL ULOOM	142
195	MAAHAD INTEGRASI TAHFIZUL QURAN AN NASRD ITQAN (LITTHOLIBIN)	75
196	SEKOLAH RENDAH ISLAM RAUDHATUL HUFFAZ	49
197	MAAHAD TAHFIZ AS-SALAFIAH	10
198	AKADEMI TAHFIZ AL-QURAN AS SAKINAH LIL BANIN	100
199	MADRASAH TAHFIZ NURUL HUDA	30
200	MAAHAD TAHFIZ KAMPUNG BANDAR	20
201	SEKOLAH TAHFIZ AL HABBAH	55
202	MAAHAD TAHFIZ AL GHAZALY	64
203	MAAHAD INTEGRASI TAHFIZ INSUIRAH	154

PONDOK		
BIL	NAMA SEKOLAH	JUMLAH PELAJAR
1	AKADEMI PENDIDIKAN ZULKIFLI MUHAMMAD	95
2	PONDOK MODEN TAHFIZ SAADAH ADDAARAIN	159
3	PUSAT PENGAJIAN PONDOK BUSTANUL ARIFAT	41
4	PUSAT PENGAJIAN PONDOK BUSTANUL ARIFIN	182
5	MAAHAD TAHFIZ PONDOK DURANI	45

DAERAH : KLANG

BIL.	NAMA SEKOLAH	BILANGAN MURID
1	KAFAI AL-FALAH SG PINANG	212
2	KAFAI KG. PANDAN	63
3	KAFAI TELOK MENEGON	180
4	KAFAI TAMAN KANDIS PERMAI	225
5	KAFAI DESA KEMUNING	107
6	KAFAI TAMAN SERI MUDA	327
7	KAFAI KG. JOHAN SETIA	1056
8	KAFAI KG. ATTAP	177
9	KAFAI TELOK GADONG	427
10	KAFAI AL – MANSURIAH	250
11	KAFAI KG. IDAMAN	618
12	KAFAI KG. PENDAMAR	560
13	KAFAI KG. KASTAM	239
14	KAFAI TELOK GONG	421
15	KAFAI BT. 7 JLN. SEMPADAN	152
16	KAFAI BDR. SUL. SULAIMAN	492
17	KAFAI KG. KERETAPI	201
18	KAFAI MASJ. SUL. SULEIMAN	418
19	KAFAI KG. PERIGI NENAS	382
20	KAFAI DARUL ULUM SG. UDANG	342
21	KAFAI AL-HIJRAH KOTA KEMUNING	658
22	KAFAI BANDAR ARMADA PUTRA	315
23	KAFAI SUNGAI KAPAR INDAH	579
24	KAFAI SETIA ALAM	428
25	KAFAI AL-AMIN, BERJAYA PARK	199
JUMLAH		9028

DAERAH : KUALA LANGAT

BIL.	NAMA SEKOLAH	BILANGAN MURID
1	KAFAI SIJANGKANG JAYA	180
2	KAFAI BENTENG TENGAH	409
3	KAFAI KAMPUNG MELAYU PULAU CAREY	62
4	KAFAI RTB BUKIT CHANGGANG	796
5	KAFAI AS-SYARIFF	130
6	KAFAI SUNGAI LANG BARU	342
7	KAFAI KAMPUNG SAWAH	131
8	KAFAI TAMAN DESA KEMANDOL	30
9	KAFAI TAMAN KEMUNING	355
JUMLAH		2435

DAERAH : KUALA SELANGOR

BIL.	NAMA SEKOLAH	BILANGAN MURID
1	KAFAI AL AINIAH BLOK B-I	113
2	KAFAI TOK ADAM	103
3	KAFAI NURUL HUDA, SG KAJANG BARU	192
4	KAFAI AR-RIDZUAN	164
5	KAFAI AL-HILAL	196
6	KAFAI AL-HIDAYAH, KG BKT CHERAKAH	299
7	KAFAI FELDA BUKIT CHERAKAH	134
8	KAFAI AL-AWWABIN	235
9	KAFAI NURUL HUDA, PARIT MAHANG	458
10	KAFAI OTHMANIAH ALKHAIRIAH BLOK Y-1	63
11	KAFAI AS-SULAIMIAH, KG SG YU	95
12	KAFAI DARUL EHSAN	153
13	KAFAI TAMAN BAYU, PASIR PENAMBANG	83
14	KAFAI PUNCAK ALAM FASA 2	822
15	KAFAI DARUL SYAHADAH	944

16	KAFAI AN-NAJIHIN, SAUJANA UTAMA 2	143
17	KAFAI IBNU SINA	548
18	KAFAI DARUS SA'ADAH	784
19	KAFAI PUNCAK ALAM 1	410
20	KAFAI PUNCAK ALAM 3	375
JUMLAH		6314

DAERAH : HULU LANGAT

BIL.	NAMA SEKOLAH	BILANGAN MURID
1	KAFAI AL-HUDA TMN. BUKIT TERATAI	227
2	KAFAI TASIK PERMAI	165
3	KAFAI AL-IRSYAD	361
4	KAFAI TARBIATUL ATFAL	85
5	KAFAI AL-WAHIDAH	361
6	KAFAI AR-RAHMANIAH	265
7	KAFAI TAMAN SRI WATAN	306
8	KAFAI AL-HUDA (TMN MAJU JAYA)	405
9	KAFAI AL-FALAH (PINGGIRAN DELIMA)	112
10	KAFAI AL-MUSTAQIMAH	295
11	KAFAI AN-NUR (TAMAN CEMPAKA)	247
12	KAFAI USWATUN HASANAH	342
13	KAFAI AS-SYAKIRIN (TMN CHERAS UTAMA)	256
14	KAFAI AL-ISLAHIAH	205
15	KAFAI TAMAN CUEPACS	184
16	KAFAI AL-RAHMAN	203
17	KAFAI MANBAIEL ULUM	493
18	KAFAI AL-EHSANIYYAH	979
19	KAFAI TAMAN DELIMA	469
20	KAFAI AL-ASMAH	533
21	KAFAI TAMAN RAKAN CHERAS	500
22	KAFAI AN-NUR (BDR. TUN HUSSIEN ONN)	573

23	KAFAI TAMING JAYA	342
24	KAFAI PENJARA KAJANG	161
25	KAFAI JALAN 6 BDR BARU BANGI	446
26	KAFAI AL-ISTIQOMAH	557
27	KAFAI NURSALBIAH	180
28	KAFAI AL-HIDAYAH (WEST COUNTRY)	382
29	KAFAI BUKIT BELIMBING	190
30	KAFAI AL-WAANI	552
31	KAFAI AN-NUR (TAMAN ASA JAYA)	136
32	KAFAI TAMAN JASMIN	722
33	KAFAI AL-HIDAYAH (KAJANG UTAMA)	797
34	KAFAI MARKAS BRIGED TENGAH PGA	436
35	KAFAI KG. SUNGAI SERAI	124
36	KAFAI NURUL ITTIFAQ	382
37	KAFAI BT 20	89
38	KAFAI AN NAJAH (RINCHING TENGAH)	734
39	KAFAI TMN SRI INTAN	409
40	KAFAI MIFTAHUDDIN	258
41	KAFAI AL HIDAYATUL IMAN	537
42	KAFAI AL MUSTAQIM	251
43	KAFAI AR-RAIHAN	914
44	KAFAI NURUL IMAN	116
45	KAFAI AL KAUTHAR	427
46	KAFAI BANDAR RINCHING	163
47	KAFAI AL-FALAH (PANDAN JAYA)	148
48	KAFAI IBNI ABDILLAH	344
49	KAFAI AL FALAH (BDR.TASIK KESUMA)	353
50	KAFAI JUBLI PERAK	292
51	KAFAI AN-NAJAH TAMAN BUKIT ANGSANA	41
52	KAFAI AR RAUDHAH DAMAI PERDANA	47
53	KAFAI AT-TAQWA BANDAR MAHKOTA CHERAS	234

54	KAFAI JALAN 6C BANDAR BARU BANGI	394
55	KAFAI AT-TAQWA BANDAR TEKNOLOGI KAJANG	217
56	KAFAI AS-SALAM TMN BUKIT TERATAI	178
57	KAFAI BATALION-4 PGA SEMENYIH	418
58	KAFAI AL-ITTIHAAD	50
59	KAFAI AL-HASANAH	148
60	KAFAI TAMAN PELANGI SEMENYIH	330
61	KAFAI RAUDHATUL JANNAH	251
62	KAFAI AL HIDAYAH TMN BUKIT KAJANG	99
63	KAFAI AL HILAL	114
64	KAFAI ASY-SYAKIRIN TMN TENAGA	84
JUMLAH		20613

DAERAH : HULU SELANGOR

BIL.	NAMA SEKOLAH	BILANGAN MURID
1	KAFAI SUNGAI TENGI SELATAN	53
2	KAFAI SERI KELEDANG	67
3	KAFAI KG SERIGALA	73
4	KAFAI KG. KUANTAN	174
5	KAFAI KG. BATU 30	206
6	KAFAI BUKIT SENTOSA 3	104
7	KAFAI AR-RAUDHAH	187
JUMLAH		864

DAERAH : SABAK BERNAM

BIL.	NAMA SEKOLAH	BILANGAN MURID
1	KAFAI NURUL EHSAN LUBUK PUSING	65
2	KAFAI NURUL FALAH PARIT 13 SG PANJANG	158
3	KAFAI NURUL HIDAYAH KG BELIA 2	35
4	KAFAI AL EHSANIAH TAMAN SERI INDAH	250

5	KAFAI IRSYADUL IBAD TEBUK JAWA	59
6	KAFAI DESA PERMAI PARIT 8 SG BESAR	117
7	KAFAI AL ISLAH PARIT BARU BAROH	74
8	KAFAI EHYAUL QAMAR TANJUNG JAWA	14
9	KAFAI TARBIAH AD DINIAH TELUK RHU	68
10	KAFAI SALAHUDDIN PANCHANG BEDENA	87
JUMLAH		927

DAERAH : GOMBAK

BIL.	NAMA SEKOLAH	BILANGAN MURID
1	KAFAI AN NUR JHEOA	245
2	KAFAI DARUL MUHAJIRIN	679
3	KAFAI AL-AMANIAH	562
4	KAFAI AR- RAHIMAH	196
5	KAFAI UBUDIAH	283
6	KAFAI AL-EHSAN	73
7	KAFAI AS-SYARIFF	395
8	KAFAI AL-ITTIHAD	162
9	KAFAI MASJID LAMA BT 6	152
10	KAFAI IBTIDAIYYAH	395
11	KAFAI KAMPUNG KLANG GATE	92
12	KAFAI IHSANIAH	296
13	KAFAI SAIDATINA AISYAH	306
14	KAFAI AL-AZIZIAH	461
15	KAFAI SOLAIYYAH DAMAI	541
16	KAFAI ISLAMIAH	41
17	KAFAI KAMPUNG KEMENSAH	29
18	KAFAI AR-RASYIDDIN	270
19	KAFAI AU4	278
20	KAFAI AS-SOBIRIN	171

21	KAFAI AT-TAQWA	128
22	KAFAI MUWAFQAH	278
23	KAFAI AL-HILALIAH	210
24	KAFAI AR-RIDHUAN	415
25	KAFAI JABAL NUR	264
26	KAFAI FRIM	304
27	KAFAI AL-KHAIRIAH	358
28	KAFAI SUNGAI SERAI	257
29	KAFAI TAMAN MELAWATI	479
30	KAFAI AL-HUMAIRA'	274
31	KAFAI DARUL ULUM	109
32	KAFAI NUR AL-HUDA	165
33	KAFAI AL-FURQAN BBS	793
34	KAFAI AL-AHMADIAH	220
35	KAFAI DARUL FALAH	208
36	KAFAI UMMUL QURA	398
37	KAFAI ABU HANIFAH	244
38	KAFAI AL-FALAH	166
39	KAFAI AL-IMANIAH	296
40	KAFAI AL-MUHAJIRIN	304
41	KAFAI MAARIF AD-DINIAH	446
42	KAFAI AN-NUR (WIRA DAMAI)	359
43	KAFAI AT-TAIYYIBIN	226
44	KAFAI AL-MANARAH	115
45	KAFAI AL-KAHFI	614
46	KAFAI AN-NUR (PSB)	184
47	KAFAI AL-FURQAN BCH	1086
48	KAFAI AN-NASIHIN	160
49	KAFAI AL-HUDA TRJ	579
50	KAFAI IMPIAN INDAH	356
51	KAFAI AL-ITTIFAQIAH	179

52	KAFAI AL-IMAN	206
53	KAFAI INTEGRASI AL-FIRDAUS	249
54	KAFAI KARIMIAH	154
55	KAFAI AN-NUR (BCH)	482
56	KAFAI AL-FALAH (KOTA PUTERI)	83
57	KAFAI NURUL JANNAH	97
58	KAFAI INTEGRASI AS-SYAKIRIN	228
59	KAFAI BUKIT PERMATA	73
60	KAFAI SUNGAI PUSU	182
61	KAFAI TAMAN PELANGI	510
JUMLAH		18065

DAERAH : PETALING

BIL.	NAMA SEKOLAH	BILANGAN MURID
1	KAFAI BUKIT RAHMAN PUTRA	231
2	KAFAI AL-IKHWAN (B.B SUNGAI BULOH)	276
3	KAFAI AL-INSANIAH (TMN PUTRA DAMAI)	621
4	KAFAI AL - IKHLAS (LGM)	465
5	KAFAI AT-TAQWA (B.B.SUNGAI BULOH)	230
6	KAFAI JAMIUL EHSAN	201
7	KAFAI AL-ISLAHIAH (SG BULOH)	146
8	KAFAI AS-SOLIHIN (RKAT KEM.SG.BULOH)	263
9	KAFAI AL HUSNA (SEK.20 SHAH ALAM)	147
10	KAFAI AL-MUJAHIDEEN	430
11	KAFAI AL-ITTIFAQIAH	105
12	KAFAI AL-IKHLAS (TMN SUBANG)	62
13	KAFAI NURUL YAQIN	95
14	KAFAI EHSANIAH (KELANA JAYA)	219
15	KAFAI AL-HUDA (TUDM SUBANG)	710
16	KAFAI AL-MUHAJIRIN BANDAR SRI DAMANSARA	213

17	KAFAI MANARUL ISLAM	346
18	KAFAI AN-NAJAHIYAH	1200
19	KAFAI TARBIATUL AULAD (SEK.18)	344
20	KAFAI AL-IRSYADIAH (SEK 17)	287
21	KAFAI AL-HUSNA (PST BDR. PUCHONG)	459
22	KAFAI UKASYAH (BANDAR KINRARA)	191
23	KAFAI AL-AMIN (SEK.17)	343
24	KAFAI NAHDHAH AL-ISLAM	737
25	KAFAI AL MUNAWWARAH (SEK.27)	676
26	KAFAI NURUL SAADAH (TMN PUCHONG UTAMA)	99
27	KAFAI RIADHUSSOLIHIN	301
28	KAFAI AS-SUFLA BUKIT LANCHONG	402
29	KAFAI AL MUHTADIN DAMANSARA DAMAI	857
30	KAFAI IMAM AL-GHAZALI (MERU)	538
31	KAFAI AL-FALAH (TMN BKT KUCHAI)	347
32	KAFAI AT-THAQAFAH (PUCHONG)	535
33	KAFAI AL-RAUDHAH (PUCHONG PERMAI)	599
34	KAFAI NURUL HIDAYAH (TMN. BT. 3)	319
35	KAFAI MASJID PROTON (SEK.27)	559
36	KAFAI RAUDHATUL ILMI	496
37	KAFAI MANBAUL 'ULUM	816
38	KAFAI MADRASAH AL-ISLAMIAH UPM	315
39	KAFAI MASJID DARUL EHSAN	445
40	KAFAI MASJID AL FALAH USJ 9 SUBANG JAYA	686
41	KAFAI AN-NAJAH (TMN MAWAR)	409
42	KAFAI AL-AMAN	756
43	KAFAI AR-RAHMAH, (SG WAY)	104
44	KAFAI ANGGOR AL - AMIN	435
45	KAFAI AL-IMAN (PUCHONG UTAMA)	846
46	KAFAI NAHDATUL ISLAMIAH TMN LINDUNGAN	511
47	KAFAI PINANG TUNGGAL	366

48	KAFAI AL RAHMAH DAMANSARA BARU	32
49	KAFAI AL-AZIZIAH (SEK 14 P. JAYA)	296
50	KAFAI MASJID KOLEJ ISLAM MALAYA	155
51	KAFAI AL-ISLAMIAH (KG LINDUNGAN)	553
52	KAFAI AL-FIRDAUS (TMN BKT KINRARA)	198
53	KAFAI AL-HIDAYAH (KELANA JAYA)	605
54	KAFAI AL-ISLAH PJ	275
55	KAFAI AL-ALIM TMN PINGGIRAN PUTRA	293
56	KAFAI AL-INSAN (SEK 13)	227
57	KAFAI MADRASATUL IKHWAN(PUCHONG)	1017
58	KAFAI NUR ADDIN (PUCHONG)	168
59	KAFAI AL-KAUTHAR (KELANA JAYA)	135
60	KAFAI TAMAN BUKIT SUBANG	507
61	KAFAI AL HIKMAH (SUBANG BESTARI)	374
62	KAFAI AN NUR (TMN SERI LEMBAYUNG)	132
63	KAFAI BUKIT BANDARAYA	91
64	KAFAI DARUS SALIM	308
65	KAFAI AR-RIDHUAN DAMANSARA	224
66	KAFAI AL-JANNAH, SUBANG SURIA.	430
67	KAFAI FASTABIQUL KHAIRAT	338
68	KAFAI HIDAYATUL ISLAMIAH	209
69	KAFAI AR-RAZI	194
70	KAFAI AR RAHMAN, (PELANGI DAMANSARA BARU)	75
71	KAFAI AL-AZHAR	120
72	KAFAI AT-TAUFIQIAH	76
73	KAFAI AL MUBARAK	314
74	KAFAI MASJID SUBANG PERDANA	487
75	KAFAI PANGSA PERDANA PUCHONG	232
76	KAFAI AL-MU'MIN	440
77	KAFAI AL JANNAH SEK 23	62
78	KAFAI AL-IKHWAN TMN SANDARAN PERMAI U10	287

79	KAFAI IRSYAD SERI KEMBANGAN	61
80	KAFAI DARUL QURAN SEK.28	527
81	KAFAI AS SYABAB	408
82	KAFAI AS-SAKINAH	544
83	KAFAI BKT LANJAN	41
84	KAFAI AL IKHWAN PUNCAK JALIL	100
JUMLAH		30273

DAERAH : SEPANG

BIL.	NAMA SEKOLAH	BILANGAN MURID
1	KAFAI JANNATUL FIRDAUS,	256
2	KAFAI JANNATUL MA'WA	278
3	KAFAI DARUL TAQWA,(PEKAN SEPANG)	34
4	KAFAI EHSANUDDIN (HULU CHUCHUH)	57
5	KAFAI DARUL ULUM,(HULU TERIS)	57
6	KAFAI AL-HIJRAH (DESA PINGGIRAN PUTRA)	166
7	KAFAI ULUMUDDIN(BKT BANGKONG)	26
8	KAFAI BAITUL HIKMAH(TMN SEROJA)	343
9	KAFAI AL-MUHAJIRIN (KOTA WARISAN)	383
10	KAFAI AR-RAIHAN(TMN MAWAR)	247
JUMLAH		1847

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(N12 JERAM)**

TAJUK : PENGURUSAN SAMPAH DI KAMPUNG TRADISI

216. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah inisiatif Kerajaan Negeri bagi menguruskan pembuangan sampah di kampung tradisi?
- b) Nyatakan kesalahan pengurusan sampah di kampung tradisi yang boleh dikenakan tindakan?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor sentiasa mengambil berat tentang pengurusan sampah di kawasan Kampung Tradisi, Kampung Baru, Kampung Bagan/ Tersusun. Pengurusan sampah di kawasan ini seharusnya diuruskan oleh penduduk kampung masing-masing kerana kawasan ini tidak terletak di dalam kawasan operasi PBT dan tidak disediakan perkhidmatan kutipan sampah oleh PBT.

Walau bagaimanapun, dalam memberikan perkhidmatan pengurusan sampah yang terbaik untuk rakyat pada masa ini, PBT yang berkemampuan seperti MBSA dan MBPJ telah mengambil inisiatif untuk mengatasi masalah sampah di kawasan pentadbiran masing-masing dengan melantik kontraktor kutipan sampah di kampung-kampung berkaitan dengan membuat kutipan sampah dari rumah ke rumah. Selain itu juga, PBT seperti MPKj turut menempatkan tong sampah berpusat yang diletakkan di lokasi khas di tepi jalan utama bagi memudahkan kutipan sampah oleh kontraktor semasa melalui jalan tersebut.

Manakala bagi PBT yang tidak mempunyai peruntukan yang mencukupi, Kerajaan Negeri Selangor akan menyalurkan peruntukan kewangan kepada PBT berkaitan bagi melaksanakan kerja-kerja kutipan sampah di kawasan kampung dan menyediakan tong sampah bersaiz 660 liter di lokasi-lokasi yang telah ditetapkan.

Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri sedang dalam usaha untuk penstrukturan semula pengurusan sisa pepejal dengan meningkatkan kecekapan operasi kutipan sampah dan melantik KDEB Waste Management Sdn Bhd (KDEBWM) sebagai *Project Management Company (PMC)* yang bertanggungjawab sebagai pengurus bagi pelaksanaan perkhidmatan pengurusan

sisa pepejal dan pembersihan awam di Negeri Selangor, termasuklah di kawasan-kawasan kampung tradisi di kawasan PBT yang terlibat.

Sebagai permulaan, Majlis Perbandaran Klang (MPK) telah dipilih sebagai projek perintis (*pilot project*) pada tahun 2014 bagi projek penstrukturan semula pengurusan sisa pepejal Negeri Selangor. Setelah kejayaan pelaksanaan perkhidmatan ini dapat dilihat di MPK, model PMC ini kini telah diperluaskan ke Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) dan Majlis Perbandaran Selayang (MPS) menggunakan modus operandi yang sama.

Seterusnya, Kerajaan Negeri turut bercadang untuk memperluaskan perkhidmatan ini ke semua PBT Negeri Selangor pada masa hadapan selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk mewujudkan sistem pengurusan sisa pepejal yang efektif dan efisien ke arah membangunkan Negeri Selangor sebagai sebuah negeri yang berkonsepkan *Smart City* dan *Smart State*.

- b) Antara kesalahan pengurusan sampah di kampung tradisi yang boleh dikenakan tindakan melalui Undang-Undang Kecil Pemungutan, Pembuangan, Dan Pelupusan Sampah Sarap Negeri Selangor (2007) adalah seperti berikut:-
- i) Meletakkan sampah sarap di atas jalan;
 - ii) Sampah tidak dimasukkan dalam beg plastik khas; dan
 - iii) Pembuangan sampah di lokasi yang tidak dibenarkan / haram.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(N12 JERAM)**

TAJUK : PROGRAM BANTUAN KESIHATAN

217. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah program bantuan kesihatan yang dilaksanakan Kerajaan Negeri?
- b) Berapakah jumlah penerima manfaat program tersebut?
- c) Nyatakan jumlah bantuan kesihatan kepada Rakyat Selangor sehingga kini.

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri telah memperkenalkan satu program iaitu Program Bantuan Sihat Selangor, di mana bantuan kewangan akan diberikan kepada pemohon yang layak bagi menampung kos rawatan kesihatan yang tinggi. Pada tahun 2017, sebanyak RM5.5 juta telah diperuntukkan bagi meringankan beban kos rawatan yang ditanggung oleh rakyat. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM5 juta telah dikhususkan untuk menampung kos rawatan dialisis kepada pesakit yang mengalami kegagalan fungsi buah pinggang dan selebihnya untuk lain-lain jenis bantuan kesihatan. Di antara bantuan kesihatan yang ditawarkan di bawah Program Bantuan Sihat Selangor adalah seperti berikut :
 - i. Bantuan katarak mata;
 - ii. Bantuan pembedahan kecil;
 - iii. Bantuan pembelian kaki palsu; dan
 - iv. Bantuan alatan kesihatan termasuk lampin pakai buang dan susu.

b) dan c)

Bermula pada tahun 2010 sehingga 20 Julai 2017, sebanyak 2,843 penerima manfaat telah menerima bantuan di bawah program Bantuan Sihat Selangor. Dalam tempoh tersebut, jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan adalah sebanyak RM6,927,619.90 Perincian perbelanjaan mengikut jenis bantuan adalah seperti Jadual 1 berikut :

JENIS BANTUAN / TAHUN	TAHUN 2010 SEHINGGA 20 JULAI 2017	
	LULUS	JUMLAH (RM)
DIALISIS	1,521	4,204,262.00
KATARAK MATA	455	272,359.50
PEMBEDAHAN KECIL	234	738,220.00
KAKI PALSU	34	130,900.00
LAIN-LAIN RAWATAN	599	1,581,878.40
JUMLAH	2,843	6,927,619.90

Jadual 1 : Statistik jumlah kelulusan Bantuan Sihat Selangor bagi tahun 2010 sehingga 20 Julai 2017

JENIS BANTUAN / TAHUN	2010		2011		2012		2013	
	LULUS	JUM (RM)	LULUS	JUM (RM)	LULUS	JUM (RM)	LULUS	JUM (RM)
DIALISIS	64	123,950.00	79	152,980.00	115	230,000.00	146	267,160.00
KATARAK MATA	20	12,066.00	48	26,964.00	36	21,010.00	25	13,031.00
PEMBEDAHAN KECIL	22	56,590.00	29	90,800.00	20	59,661.00	28	86,575.00
KAKI PALSU	0	0	0	0	0	0	0	0
LAIN-LAIN RAWATAN	8	18,702.00	43	121,448.00	84	268,206.00	83	205,504
JUMLAH	114	211,308.00	199	392,192.00	255	578,877.00	282	572,270.00

JENIS BANTUAN / TAHUN	2014		2015		2016		2017	
	LULUS	JUM (RM)	LULUS	JUM (RM)	LULUS	JUM (RM)	LULUS	JUM (RM)
DIALISIS	111	218,110.00	299	1,042,703.00	598	1,703,859		
KATARAK MATA	20	10,570.00	102	47,874.50	159	109,036		
PEMBEDAHAN KECIL	31	109,370.00	17	60,896.00	58	161,928		
KAKI PALSU	7	33,200.00	14	52,400.00	6	16,500		
LAIN-LAIN RAWATAN	21	69,168.00	100	320,113.40	195	443,977		
JUMLAH	190	440,418.00	532	1,523,986.90	1,016	2,435,300		

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(N12 JERAM)**

TAJUK : PUSAT TUISYEN RAKYAT (PTRS)

218. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah pelajar yang mengikuti program tersebut?
- b) Senaraikan lokasi PTRS mengikut DUN.
- c) Berapakah jumlah perbelanjaan program tersebut sehingga kini?

JAWAPAN:

- a) Jumlah pelajar yang mengikuti Program tersebut adalah sebanyak 4,475 orang.
- b) Senarai lokasi PTRS mengikut DUN seperti Lampiran A.
- c) Jumlah Perbelanjaan program tersebut sehingga kini seperti yang berikut:

BIL.	TAHUN	PERBELANJAAN (RM)
1.	2009	2,750,700.00
2.	2010	2,716,200.54
3.	2011	2,766,500.55
4.	2012	2,766,500.55
5.	2013	3,499,999.84
6.	2014	3,499,999.84
7.	2015	3,499,999.84
8.	2016	RM2,377,041.00
9.	2017(sehingga Julai)	RM 1,207,245.64
JUMLAH KESELURUHAN		RM 25,084,187.80

Lampiran A

BIL.	NAMA DUN	LOKASI
1	N01 - SUNGAI AIR TAWAR -	BALAI RAYA JKKK BT38
		SAM PARIT BARU (5 IMAN)
		SAM PARIT BARU (5 AMAL)
2	N02 - SABAK	SAMTAJ
		SAM BAGAN TERAP
		SAM MUHAMMADIAH
3	N03 - SUNGAI PANJANG	PEJABAT PKM SG. PANJANG
		SAM PASIR PANJANG
		SAM SG. HJ. DORANI
4	N04 - SEKINCHAN	NO. 6A, JALAN MENTERI
5	N05 - HULU BERNAM	KG SOEHARTO
		KG SOEHARTO
		KG GEDANGSA
6	N06 - KUALA KUBU BAHARU	GALERI SEJARAH KKB
		PUSAT TUISYEN BTG KALI
7	N07 - BATANG KALI	SEKOLAH RENDAH AGAMA BUKIT SENTOSA FASA 1, BUKIT SENTOSA
		PASTI BATU 10
8	N09 - PERMATANG	MASJID AR RIDZUAN
		MASJID SGG
9	N10 - BUKIT MELAWATI	AL-ANSAR 1
		AL-ANSAR 2
		KG. KUANTAN
		PEJ. AMANAH K.SEL.
10	N11 - IJOK	SMK RAJA MUDA MUSA (KUMP 1)
		SMK RAJA MUDA MUSA (KUMP 2)
11	N12 - JERAM	PUNCAK ALAM (SPM)
		PUNCAK ALAM (UPSR)
		BUKIT KUCHING (SPM)
		PEKAN JERAM (SPM)
12	N13 - KUANG	SMK BTP
		SMK BTP
		SMK BTP
		SRA AN - NUR
13	N14 - RAWANG	PEJABAT AHLI MAJLIS ZON 15 TAMAN BERSATU RAWANG
		SEKOLAH AGAMA KAFA BANDAR COUNTRY HOMES
		SRA NURUL IMAN
		KAFA AL-FURQON A
		KAFA AL-FURQON B

BIL.	NAMA DUN	LOKASI
		DEWAN JKKK BT 16
		SAR (KAFA) TAMAN AMANIAH
14	N15 - TAMAN TEMPLER	SRA NURUL IMAN
		KAFA AL-FURQON A
		KAFA AL-FURQON B
		DEWAN JKKK BT 16
15	N16 - BATU CAVES	SAR (KAFA) TAMAN AMANIAH
16	N17 - GOMBAK SETIA	KAFA MUHAJIRIN MESRA
		KAFAI AL MUHAJIRIN
		DEWAN KG CHANGKAT
		DEWAN KG SIMPANG 3
17	N18 - HULU KELANG	-
18	N19 - BUKIT ANTARABANGSA	SRA KG MELAYU AMPANG
		SRA KG MELAYU AMPANG
		SRA KG MELAYU AMPANG
		SRA KG MELAYU AMPANG
19	N20 - LEMBAH JAYA	MASJID BANDAR BARU AMPANG
20	N21 - CHEMPAKA	DEWAN LEMBAH JAYA SELATAN
		TAMAN MAJU JAYA
21	N22 - TERATAI	PANDAN JAYA
		DEWAN ZON 22
22	N23 - DUSUN TUA	RAUDHAH SG SERAI
23	N24 - SEMENYIH	BALAI RAYA, KAMPUNG RINCHING HILIR, BERANANG
		BALAI RAYA, KAMPUNG SUNGAI PURUN , SEMENYIH
		BALAI RAYA KAMPUNG RINCHING TENGAH , BERANANG
		PERPUSTAKAAN AWAM SEMENYIH
24	N25 - KAJANG	PUSAT KOMUNITI SUNGAI KANTAN, JALAN SUNGAI KANTAN 43000 KAJANG SELANGOR
		BALAI RAYA KAMPUNG BATU 13 TAMAN DELIMA, 43000 KAJANG SELANGOR
		KOMPLEKS PENGHULU BATU 10 43000 KAJANG SELANGOR
		PEJABAT ADUN BANGI SEK. 7, JALAN 7/7 C BANDAR BARU BANGI
25	N26 - BANGI	SEKSYEN 7, BBB
		SEKSYEN 4 , BUKIT MAHKOTA
		SEKSYEN 16, BBB
26	N27 - BALAKONG	PEJABAT AHLI MAJLIS ZON 10 BANDAR

BIL.	NAMA DUN	LOKASI
		DAMAI PERDANA
		MASJID CHERAS JAYA
		PEJABAT PERSATUAN PENDUDUK KAUM INDIA TAMAN MEGAH CHERAS
		PEJABAT AHLI MAJLIS MPKJ ZON 12 TAMAN BALAKONG JAYA
27	N28 - SERI KEMBANGAN	TAMAN SG BESI INDAH
28	N29 - SRI SERDANG	SEKOLAH MENENGAH ISLAM PUCHONG
		PUCHONG PERDANA
29	N30 - KINRARA	BALAI MASYARAKAT JKK KAMPUNG TENGAH BATU 13
		BALAI MASYARAKAT JKP 11 TAMAN BUKIT KUCHAI
30	N31 - SUBANG JAYA	DEWAN A
		DEWAN B
31	N32 - SERI SETIA	MENTARI PROJECT
32	N33 - TAMAN MEDAN	KAFAI AL-ISLAH , TAMAN SRI MANJA, NO.32-1&2, JLAN PJS 3/36, TAMAN SRI MANJA 46000 PETALING JAYA
33	N34 - BUKIT GASING	PKM BUKIT GASING
		PKM BUKIT GASING
34	N35 - KAMPUNG TUNKU	DEWAN MBPJ
		DEWAN MBPJ
		DEWAN BISTARI
		KG. CHEMPAKA
		KG. CHEMPAKA
35	N37 - BUKIT LANJAN	SMK DD 1
		DEWAN SERBAGUNA DESA JAYA
		SMK DD 1
36	N38 - PAYA JARAS	SRAPJ
		SRAPJ
37	N39 - KOTA DAMANSARA	SURAU AL HUSNA , TAMAN SETIA WARISAN SUBANG
		BLOK 11 FLAT SUBANG PERDANA
		DEWAN SERBAGUNA FLAT PPR SEK. 8, KOTA DAMANSARA
		PUSAT KHIDMAT MASYARAKAT PENYELARAS DUN KOTA DAMANSARA
		MASJID SSAAS, SHAH ALAM
38	N41 - BATU TIGA	SMK SEKSYEN 24 (2)
		KABIN BLOK 17 SEK 20
		DEWAN PWB SEK 24

BIL.	NAMA DUN	LOKASI
39	N42 - MERU	SRA PEKAN MERU
40	N43- SEMENTA	SRA PEKAN KAPAR DEWAN BSS
41	N44- SUNGAI PINANG	JALAN NENAS
	N45 - SELAT KLANG	SEK. MEN. AL FARABI KG DELEK
42	N46 - PELABUHAN KLANG	PULAU INDAH KG. PENDAMAR
43	N47 - PANDAMARAN	NO. 407-B TINGKAT 1 JLN PANDAMARAN (JALAN BESAR) PANDAMARAN 42000 PELABUHAN KLANG SELANGOR
44	N48 - KOTA ALAM SHAH	PUSAT KHIDMAT DUN KOTA ALAM SHAH NO.22 JALAN RAYA BARAT TAMAN TELUK PULAI 41100 KLANG SELANGOR
45	N49 - SERI ANDALAS	KAMPUNG JAWA KAMPUNG JAWA
46	N50 - SRI MUDA	ALAM MEGAH TAMAN SRI MUDA JALAN KEBUN KG JOHAN SETIA
47	N51 -SIJANGKANG	SRA KG MEDAN
48	N52 - TELOK DATOK	PKM TELUK DATUK
49	N53 - MORIB	-
50	N54 - TANJUNG SEPAT.	SMK SG RAWANG DEWAN ANTI DENGGI PEKAN TG SEPAT SMK KG BATU LAUT DEWAN SEPAKAT KG ENDAH
51	N55 - DENGKIL .	SEK MEN KEB BUKIT CHANGGANG SEK MEN KEB PUTRA PERDANA PUSAT KHIDMAT AHLI MAJLIS ZON SRI DENGKIL BILIK GERAKAN JKKK DESA PUTRA
52	N56 - SUNGAI PELEK	SMK SERI SEPANG SMK BBST SMK SUNGAI PELEK

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELOK DATOK)**

**TAJUK : STATUS DAN KEPUTUSAN PERMOHONAN LESEN PENDUDUKAN
PAJAKAN 60 TAHUN OLEH TETUAN MARINE KINGDOM SDN BHD**

219. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah keputusan dan status permohonan oleh Tetuan Marine Kingdom Sdn Bhd untuk memohon Lesen Pendudukan Pajakan selama 60 tahun sebagai tapak resort dan pusat pemasaran hasil ikan bagi tujuan pelancongan (*tourism*), lokasi : Bagan Sungai Lima, Pulau Ketam , Daerah Klang, seluas 5.9 ekar? Surat kepada Pejabat Y.A.B. Dato Menteri Besar Negeri Selangor bertarikh 14 Oktober 2014 dibawah rujukan : MKSB /03/2014 ; dan surat balas daripada Pejabat Menteri Besar Selangor bertarikh 18 Jun 2014 berujukan MB.Sel. 12/4 Jld 12 (58) adalah berkaitan.

JAWAPAN:

- a) Pentadbir Tanah Klang telah meneliti permohonan dari Tetuan Marine Kingdom Sdn Bhd yang dikemukakan melalui Pejabat Menteri Besar dan mendapati kawasan yang dipohon merupakan Zon Ekologi Semulajadi. Pentadbir Tanah Klang juga tidak dapat memproses permohonan Lesen Pendudukan Sementara (LPS) di kawasan tersebut memandangkan Pekeliling PTG Bil. 4/2015 tidak membenarkan sebarang bangunan atau struktur kekal didirikan di atas tapak LPS.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELOK DATOK)**

TAJUK : CUKAI PELANCONGAN TAHUN 2017

220. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Rang Undang-Undang Cukai Pelancongan 2017 telah dibentangkan oleh Kerajaan Persekutuan, apakah pendirian Kerajaan Negeri berkenaan kutipan cukai pelancongan di Negeri Selangor?
- b) Siapakah badan-badan atau agensi yang bakal menguruskan hasil kutipan tersebut?

JAWAPAN:

- a) Secara dasarnya, Kerajaan Negeri tidak bersetuju dengan pelaksanaan cukai pelancongan ini mengikut beberapa perkara seperti berikut:-

i) Memberi impak kepada keadaan ekonomi semasa negara

1. Cukai tersebut diperkenalkan Malaysia pada waktu tidak sesuai kerana industri pelancongan negara sedang meningkat manakala inflasi berada pada paras tinggi.
2. Pengenalan cukai ini juga berisiko melembapkan aktiviti ekonomi dan menjejaskan pendapatan rakyat terutamanya peniaga Industri Kecil Sederhana (IKS) yang membantu dalam menyumbang di dalam peningkatan ekonomi dalam industri pelancongan.
3. Pihak kerajaan perlu menjalankan kajian dengan lebih terperinci lagi khusus bagi mengetahui mengenai kesan berangkai daripada pelaksanaan cukai pelancongan terbabit terutamanya terhadap industri-industri tempatan yang mempunyai kaitan dengan industri pelancongan.
4. Kajian boleh dilakukan melalui kerjasama dengan badan-badan bukan kerajaan yang berkaitan (NGO) serta pakar-pakar industri pelancongan dan ekonomi bagi memastikan, pelaksanaan cukai pelancongan terbabit tidak membawa kesan negatif yang teruk terhadap pihak industri tempatan yang bergantung hidup terhadap industri pelancongan negara.

ii) Kenaikan kos lawatan untuk melancong

1. Pengenalan cukai tersebut menyebabkan kenaikan yang mendadak bagi pelbagai kos yang melibatkan elemen percutian seperti kos penginapan, pakej lawatan, acara berkumpul (MICE) dan kos pengangkutan.
2. Hal ini juga menjejaskan lawatan untuk para pelancong yang sudah menempah lawatan perjalanan dan percutian mereka di Malaysia dengan lebih awal.

iii) Impak terhadap jualan bilik hotel/penginapan untuk penggiat Industri hotel bertaraf 4 dan 5 bintang

1. Pelaksanaan cukai ini memberi kesan negatif ke atas pengusaha hotel berlesen kerana kebanyakan pelancong dijangka tinggal di hotel-hotel bajet, motel, rumah tumpangan dan inap desa tidak berlesen di Negeri Selangor untuk mengelak daripada membayar cukai. Hal ini mendatangkan komplikasi pada masa hadapan disebabkan perubahan 'trend' dalam industri pelancongan dan hospitaliti.
2. Apabila cukai baru diperkenalkan, ianya akan memberi kesan kepada harga bilik penginapan di dalam pasaran. Walaupun pendapatan cukai ini diperuntukkan untuk tujuan promosi pelancongan negara, kesan daripada kempen promosi ini akan diimbangi oleh pengurangan dalam jumlah kedatangan pelancong yang sebenar yang melawat negara ini.
3. Jangkaan bagi perusahaan hotel yang mula merosot juga akan menjejaskan peluang pekerjaan dan risiko untuk mereka kehilangan pekerjaan adalah tidak mustahil. Maka sudah tentu pengenalan cukai ini bakal melihatkan lambakan pengangguran tenaga muda.

iv) Impak kepada kedatangan pelancong ke Negeri Selangor

1. Menjejaskan kedatangan pelancong terutamanya pelancong domestik. Walaupun hotel bertaraf empat atau lima bintang lebih menumpukan sasaran mereka terhadap pelancong asing namun kehadiran pelancong tempatan juga perlu diambil kira. Hal ini kerana pelancong tempatan juga adalah segmen terpenting dalam sektor pelancongan negara.

2. Hal ini juga menjejaskan pelancong asing yang akan menyebabkan pelancong yang menetap bagi tempoh masa panjang akan memendekkan tempoh penginapan mereka kerana terpaksa menanggung kos yang tinggi kerana cukai dikenakan pada setiap malam untuk 1 bilik.

v) Perbelanjaan untuk Hasil kutipan cukai pelancongan tidak jelas

1. Dianggarkan kerajaan bakal mengutip RM654.62 juta setahun hasil Cukai Pelancongan tetapi ke mana wang itu akan dibelanjakan masih kabur. GST boleh dijadikan contoh untuk melihat kegagalan kerajaan mengurus wang kutipan cukai. Kutipan GST berjumlah lebih RM41 bilion setahun masih gagal dipastikan ke mana ia dibelanjakan.
 2. Kerajaan Pusat juga perlu menjamin hasil yang dikutip akan disalurkan untuk membina dan menambah baik infrastruktur pelancongan tempatan perlu menjadi proses telus supaya orang ramai dan penggiat industri pelancongan dapat melihat berapa banyak pendapatan yang dikumpul dan bagaimana ia dibelanjakan.
- b) Kerajaan Negeri masih tidak menerima apa-apa maklumat lanjut berkaitan pelaksanaan Cukai Pelancongan oleh Kerajaan Pusat. Tiada sesi taklimat dan penerangan lengkap yang dijalankan oleh pihak Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia, Lembaga Hasil Dalam Negeri dan Jabatan Kastam DiRaja Malaysia mengenai badan-badan atau agensi yang bakal menguruskan hasil kutipan tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELOK DATOK)**

**TAJUK : JANJI PEMBINAAN RUMAH ALTERNATIF UNTUK 5 BUAH
PELADANG DI BATANG BERJUNTAI SELANGOR**

221. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perkembangan terkini untuk lebih kurang 300 orang pekerja ladang dari 5 buah ladang (Ladang Mary, Ladang Nigel Gardner, Ladang Sungai Tinggi, Ladang Minyak dan Ladang Bukit Tegar) di Batang Berjuntai Daerah Kuala Selangor, Selangor yang menuntut pembinaan rumah alternatif oleh Tetuan Berjayacity, anak syarikat Tetuan Berjaya Corporation?
- b) Apakah bantuan yang telah diberikan oleh Kerajaan Negeri Selangor setakat ini untuk membantu para peladang?

JAWAPAN:

a) dan b)

Sebagaimana Yang Berhormat Telok Datok sedia maklum, isu bekas pekerja-pekerja Pengurusan Berjaya City Sdn. Bhd. adalah melibatkan lima (5) ladang iaitu Ladang Bukit Tegar, Ladang Mary, Ladang Sungai Tinggi, Ladang Nigel Gardner dan Ladang Minyak. Sebanyak 197 keluarga menetap di ladang tersebut dan seramai 57 keluarga yang bersara dikenalpasti telah diberi Notis Pengusiran.

Tagar Properties Sdn. Bhd. telah mengeluarkan Notis Pengusiran bertarikh 11 March 2016 kepada 57 keluarga tersebut dan memberi tempoh sehingga 15 April 2016 untuk mengosongkan rumah.

Pada 18 April 2016, satu mesyuarat bersama YB ADUN Kuala Kubu Bahru, Majlis Daerah Kuala Selangor, Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor, Berjaya City Sdn Bhd, Tagar Properties Sdn. Bhd., Kesatuan Sekerja dan Jawatan Kuasa Bekas Pekerja Berjaya City telah diadakan di pejabat EXCO. Mesyuarat memutuskan pihak Kumpulan Berjaya agar membuat suatu solusi dalam menyelesaikan isu perumahan bekas pekerja ladang.

Mesyuarat juga merujuk kepada surat Tetuan Berjaya City bertarikh 27 Februari 2008 bahawa setiap bekas pekerja akan mendapat peruntukan tanah seluas 4,000 kaki persegi.

Berjaya City Sdn. Bhd. melalui surat bertarikh 20 Januari 2015 telah memberi Surat Akujanji bahawa sekiranya Ladang Berjaya City dimajukan, maka mereka akan memastikan penyediaan perumahan tetap untuk pekerja dan memastikan segala kebajikan.

Pada 14 November 2016, satu mesyuarat susulan telah diadakan di Pejabat EXCO bersama Berjaya City Sdn. Bhd.. Ekoran daripada mesyuarat tersebut, Pihak Berjaya City Sdn. Bhd. melalui surat bertarikh 15 November 2016 berjanji akan membuat tawaran tunai sebanyak RM20,000 atau membuat pengurangan belian Rumah Selangorku kepada 69 orang keluarga bagi menggantikan tawaran asal iaitu memperuntukan tanah seluas 4,000 kaki persegi.

Pada 30 November 2016, Jawatankuasa Pekerja telah menolak tawaran yang dikemukakan oleh Tetuan Berjaya City Sdn. Bhd. dan masih menuntut janji asal iaitu pampasan tanah seluas 4,000 kaki persegi dan juga memohon sumbangan untuk mendapatkan tapak tanah bagi Sekolah Tamil, kuil dan pembinaan dewan melalui mesyuarat bersama di Pejabat EXCO.

Walau bagaimanapun, perjumpaan dengan Y.Bhg. Dato' Francis Ng Sooi Lin, Ketua Pegawai Eksekutif, Berjaya Land Berhad telah memaklumkan bahawa syarikat mereka hanya dapat menawarkan sumbangan atas dasar "*Corporate Social Responsibilities (CSR)*" kepada 69 orang yang telah berkhidmat dengan syarikat mereka sahaja.

Pihak Berjaya City Sdn. Bhd. bersetuju untuk menawarkan Rumah Selangorku di Taman Berjaya (Berjaya Park), Shah Alam kepada setiap 69 orang kakitangan dengan diskaun sebanyak RM20,000 seunit sebagai ganti pampasan tanah seluas 4,000 kaki persegi kepada setiap bekas pekerja ladang tersebut.

Sehubungan itu, Berjaya City Sdn. Bhd. telah mengemukakan permohonan Kebenaran Merancang (KM) Pindaan Pelan Susunatur Bagi Cadangan Rumah Selangorku dengan rujukan (18)MBSA/PRG/2016-96(32A)Jld.4 pada 19 Ogos 2016 dan Pelan Tapak Cadangan Rumah Selangorku.

Merujuk kepada surat bertarikh 13 March 2017, kebajikan pekerja-pekerja ladang dan usaha Tanggungjawab Sosial Korporat Berjaya City menyelesaikan isu 69 orang bekas pekerja ladang tersebut sepertimana berikut:

1. Penawaran wang tunai sebanyak RM20,000.00 kepada mereka sekiranya pembangunan perumahan akan datang di kawasan tersebut gagal disediakan tertakluk kepada penyediaan kemudahan infrastruktur dan utiliti dalam tempoh 2 tahun dari 13/03/2017 dan mereka boleh membuat tuntutan selepas tempoh tersebut ; atau

2. Penawaran diskaun sebanyak RM20,000.00 kepada mereka ke atas pembelian pembangunan perumahan akan datang di kawasan tersebut tertakluk kepada penyediaan kemudahan infrastruktur dan utiliti dalam tempoh 2 tahun.

Walau bagaimanapun, segala tawaran Berjaya City Sdn. Bhd. adalah di bawah Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) dan tanpa prejudis.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELOK DATOK)**

TAJUK : TABUNG PEMBERHENTIAN PEKERJA NEGERI SELANGOR

222. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk mewujudkan satu skim insurans pekerjaan atau satu tabung pemberhentian pekerja di Negeri Selangor untuk menjaga kebajikan pekerja-pekerja yang kehilangan pekerjaan secara tiba-tiba akibat syarikat bankrap, pemecatan pekerja atau syarikat berpindah?
- b) Apakah dasar dan perancangan Kerajaan Negeri membantu pekerja-pekerja dapat mencari pekerjaan baru jika berlaku perkara di atas?

JAWAPAN:

- a) Buat masa ini, Kerajaan Negeri Selangor masih belum mempunyai sebarang perancangan untuk mewujudkan skim insurans pekerjaan atau tabung pemberhentian pekerja di Negeri Selangor.
- b) Walaupun Kerajaan Negeri Selangor masih belum mempunyai dasar dan perancangan yang spesifik untuk pekerja-pekerja yang kehilangan pekerjaan seperti mewujudkan satu skim insuran pekerjaan atau tabung pemberhentian pekerja, Kerajaan Negeri Selangor mempunyai usaha dan inisiatif lain dalam memberikan bantuan kepada pekerja-pekerja yang kehilangan pekerjaan seperti berikut :
 - 1. Program Karnival Kerjaya (*Selangor Job Fair*) adalah kerjasama dengan Jabatan Tenaga Kerja Selangor (JTK) dan Job Malaysia iaitu sebuah program yang memberi peluang kepada rakyat Selangor bagi mendapatkan pekerjaan. Program yang dilaksanakan pada 11 Mac 2017 telah berjaya melibatkan bilangan pengunjung seramai 559 orang dengan tawaran kekosongan jawatan sebanyak 1,382.
 - 2. Program Latihan Rangsangan Kerjaya Rakyat Selangor (RKRS) iaitu sebuah program latihan keusahawanan dalam bidang Penternakan, Bakeri, Percetakan Segera, Jahitan Pakaian, Penjagaan Awal Kanak-Kanak, Makanan Ringan (cendol dan laksa). Penyelenggaraan Penyaman Udara, Mutawwif, Rawatan Wanita Selepas Bersalin dan Jurubekam Klinik Bertauliah. Program ini yang diberikan secara percuma merangkumi beberapa kategori iaitu belia, suri rumah, pesara dan ibu tunggal.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELOK DATOK)**

TAJUK : PEMBINAAN LEBUHRAYA LEMBAH KLANG TIMUR (EKVE)

223. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila menyatakan butir-butir kerja pembinaan lebuhraya lembah klang timur (EKVE).
- b) Berapakah keluasan dan pengambilan tanah hutan simpan yang terlibat dalam projek pembinaan tersebut?
- c) Sehingga kini berapakah peratusan siap dibina?

JAWAPAN:

- a) Berdasarkan maklumat yang diterima, projek EKVE merangkumi jarak keseluruhan sepanjang 39 km terdiri daripada 24 km laluan lebuhraya utama, 12 km jalan susur keluar di setiap persimpangan bertingkat dan kerja naiktaraf jalan Ukay Perdana sepanjang 3 km.

EKVE mempunyai lima (5) persimpangan bertingkat dan lima (5) plaza tol di sepanjang lebuhraya seperti berikut:

BIL.	PERSIMPANGAN BERTINGKAT	RANGKAIAN PENYAMBUNGAN	PLAZA TOL
1.	Persimpangan Sungai Long	Bersambung dengan Lebuhraya SILK untuk jajaran ke Selatan	Plaza Tol Sungai Long
2.	Persimpangan Bandar Mahkota Cheras	Bersambung dengan Persiaran Mahkota Cheras	Plaza Tol Bandar Mahkota Cheras
3.	Persimpangan Hulu Langat	Bersambung dengan Jalan Hulu Langat	Plaza Tol Hulu Langat
4.	Persimpangan Ampang	Bersambung dengan Lembah Jaya dan Ampang	Plaza Tol Ampang
5.	Persimpangan Ukay Perdana	Bersambung dengan Jalan Ukay Perdana, MRRII dan DUKE	Plaza Tol Ukay Perdana

Jajaran Lebuhraya EKVE bermula dari Persimpangan Sg. Long di Lebuhraya Kajang-SILK melalui kawasan-kawasan berbukit-bukau dan berbatu sehingga

ke Pekan Hulu Langat dimana jajaran tersebut mula memasuki kawasan kampung dan juga kawasan Hutan Simpan Ampang sehingga ke Persimpangan Ukay Perdana. Jajaran Lebuhraya EKVE tamat di pertemuan dengan Jalan Lingkaran Tengah 2 di Persimpangan Kg. Pasir.

Pada masa ini, Kerajaan Negeri dimaklumkan kerja-kerja yang sedang giat dijalankan di tapak adalah kerja-kerja pembersihan tapak, kerja tanah, pembalakan, kerja pembinaan saliran, struktur dan kawalan alam sekitar.

- b) Keluasan kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) yang terlibat dengan projek EKVE adalah seluas lebih kurang 106.65 hektar (ha) dengan peratusan keluasan 0.04% berbanding keluasan keseluruhan HSK Negeri Selangor iaitu 250,129.00 hektar. Pecahan keluasan HSK yang terlibat adalah seperti berikut:

HUTAN SIMPAN (HS)	KELUASAN (HA)
HS Ulu Langat	19.229
HS Ampang	86.318
HS Ulu Gombak	1.103
JUMLAH KESELURUHAN	106.65

Hutan simpan yang telah diambil telah diganti sebagai HSK di Lot 13980, Mukim Semunggis, Daerah Hulu Langat seluas lebih kurang 126.68ha. Proses pewartaan pemansuhan dan penggantian HSK ini dilakukan secara serentak selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 11, Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negara 1985.

- c) Secara umumnya, setakat 30 Jun 2017, Kerajaan Negeri dimaklumkan bahawa peratus kemajuan pembinaan jajaran lebuhraya EKVE adalah sebanyak 22.31%.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELOK DATOK)**

**TAJUK : OPERASI PENGUATKUASAAN PENJAJA DAN PENIAGA KECIL
TANPA LESEN PBT**

224. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila menyatakan jumlah tindakan saman dan operasi penguatkuasaan yang telah dijalankan oleh setiap PBT pada tahun 2016 sehingga setengah tahun 2017 terhadap penjaja-penjaja dan peniaga-peniaga kecil tanpa lesen berniaga di Pasar Pagi dan Pasar Malam.
- b) Apakah tindakan susulan yang diambil oleh Kerajaan Negeri terhadap peniaga dan penjaja tanpa lesen yang degil dan ingkar yang melakukan kesalahan berulang?

JAWAPAN:

- a) PBT Negeri Selangor sentiasa melaksanakan pemeriksaan dan pemantauan secara berkala terhadap penjaja-penjaja dan peniaga-peniaga kecil di pasar-pasar pagi dan malam berdasarkan syarat-syarat lesen yang terkandung di dalam Undang-Undang Kecil (UUK) Penjaja 2007 bagi mengawal aktiviti penjajaan/perniagaan tanpa lesen di kawasan PBT masing-masing.

Sehubungan dengan itu, pada tahun 2016 sebanyak 22,563 kompaun telah dikenakan terhadap penjaja/peniaga kecil tanpa lesen di pasar-pasar malam dan pagi di seluruh Negeri Selangor. Manakala sehingga Jun 2017, sebanyak 10,301 kompaun telah dikenakan. Pecahan bilangan kompaun mengikut PBT adalah seperti berikut:-

BIL.	PBT	BILANGAN KOMPAUN YANG DIKELUARKAN OLEH PBT NEGERI SELANGOR	
		TAHUN 2016	TAHUN 2017
1.	MBSA	9,433	4,656
2.	MBPJ	125	131
3.	MPSJ	6,627	2,800
4.	MPS	575	191
5.	MPKj	14	8
6.	MPK	344	122

BIL.	PBT	BILANGAN KOMPAUN YANG DIKELUARKAN OLEH PBT NEGERI SELANGOR	
		TAHUN 2016	TAHUN 2017
7.	MPAJ	2,091	468
8.	MPSp	1,044	651
9.	MDKS	1,568	670
10.	MDKL	336	127
11.	MDSB	247	308
12.	MDHS	159	169
JUMLAH		22,563	10,301

***Sumber: Semua PBT Negeri Selangor

- b) Tindakan susulan yang diambil oleh PBT terhadap aktiviti penjaja/peniaga kecil tanpa lesen yang telah diberi notis/ kompaun, tetapi masih melakukan lagi kesalahan adalah, PBT boleh melaksanakan sitaan dan tidak mengembalikan apa-apa barang perniagaan yang disita berdasarkan Seksyen 42 Penyitaan dan Seksyen 44(3) Pelucuthakan, UUK Penjaja Tahun 2007 agar kesalahan aktiviti tersebut tidak berulang lagi.

Di samping itu, pihak PBT akan memberi nasihat kepada penjaja/peniaga kecil terbabit supaya membuat permohonan lesen penjaja daripada PBT agar kawalan ke atas penjaja/peniaga kecil mematuhi syarat lesen yang ditetapkan dan beroperasi di kawasan yang dibenarkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELOK DATOK)**

**TAJUK : KAIN RENTANG BERUNSUR PINJAMAN WANG HARAM DI SETIAP
PBT**

225. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila menyatakan jumlah operasi penguatkuasaan menurunkan kain rentang berunsur pinjaman wang haram di setiap Pihak Berkuasa Tempatan bagi tempoh 6 bulan tahun 2017.
- b) Berapakah jumlah nombor telefon bimbit telah dilaporkan kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) agar tindakan susulan boleh diambil oleh Kerajaan Persekutuan?

JAWAPAN:

a) dan b)

Kerajaan Negeri telah mengarahkan semua PBT agar meneruskan operasi penguatkuasaan terhadap kegiatan menggantung atau menampal kain rentang haram dengan lebih agresif, supaya kegiatan ini dapat dikekang sepenuhnya daripada terus berleluasa dengan menguatkuasakan undang-undang di bawah Seksyen 17 (Iklan Yang Dilarang), Undang-Undang Kecil (UUK) Iklan Tahun 2007. Justeru itu, semua anggota Penguatkuasa PBT telah menjalankan pembersihan kain rentang tersebut pada seawal pagi dan petang semasa tugas rondaan dijalankan terutamanya di jalan-jalan utama/jalan protokol dan kawasan perumahan.

Namun demikian, bagi PBT yang berkemampuan masing-masing telah mempunyai cara tersendiri dalam membanteras aktiviti menggantung iklan haram. Contohnya MBSA yang mempunyai keanggotaan penguatkuasa yang mencukupi telah menjalankan pembersihan kain rentang sewaktu tugas rondaan setiap hari secara berjadual, iaitu pada awal pagi, petang dan malam mengikut syif. Selain itu, MBSA juga telah mengadakan hubungan kerjasama dengan pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam membanteras aktiviti penampalan kain rentang dan maklumat kegiatan pinjaman wang haram.

Selain itu, PBT juga MBPJ dan MPSJ telah menambah baik skop kerja perkhidmatan pembersihan awam dengan memasukkan kerja-kerja pembersihan kain rentang atau *sticker* haram yang dilaksanakan oleh pekerja kontraktor pembersihan awam yang dilantik.

Sehubungan dengan itu, dalam tempoh sehingga pertengahan tahun 2017 sebanyak 294,345 unit pelbagai kain rentang telah diturunkan, manakala sebanyak 459 bilangan nombor telefon yang direkodkan melalui kain rentang haram tersebut telah dikemukakan kepada Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk tindakan penamatan perkhidmatan. Pecahan bilangan kain rentang yang diturunkan dan maklumat nombor telefon yang telah dikemukakan kepada pihak SKMM mengikut PBT adalah seperti berikut:-

PBT	BILANGAN PELBAGAI KAIN RENTANG YANG DITURUNKAN (UNIT)	BILANGAN NOMBOR TELEFON YANG DIKEMUKAKAN KEPADA SKMM UNTUK TINDAKAN (UNIT)
MBSA	99,922	60
MBPJ	307	Tiada
MPSJ	65,736	107
MPS	2,681	54
MPKj	5,398	48
MPK	68,878	113
MPAJ	7,500	53
MPSp	1,225	Tiada
MDKS	18,096	Tiada
MDKL	16,541	24
MDSB	6,991	Tiada
MDHS	1,070	Tiada
JUMLAH	294,345	459

Sumber: Semua PBT Negeri Selangor

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELOK DATOK)**

**TAJUK : PEROBOHAN TEMPAT KEDIAMAN PEGAWAI MASJID LAPANGAN
TERBANG SUBANG**

226. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perkembangan atau keputusan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri mengenai isu rumah kediaman dua orang pegawai masjid di Lapangan Terbang Subang yang diarahkan oleh Malaysian Airports Holding Berhad (MAHB) diminta untuk mengosongkan kediaman tersebut?
- b) Adakah Kerajaan Negeri dapat menghulurkan bantuan mencari tapak rumah baru untuk kedua-dua pegawai masjid?

JAWAPAN:

- a) Kedua-dua pihak penyampai memorandum tersebut iaitu En. Razak Bin Said dan En Yaakob Bin Abdul adalah bukan Pegawai Masjid Lapangan Terbang Subang. Hanya En Razak bin Said pernah bertugas di masjid tersebut sebagai bilal dan siak sekitar tahun 2006-2009. Manakala En Yaakob tidak pernah menjadi pegawai masjid tetapi hanya sebagai sukarelawan masjid.

Kedudukan rumah mereka juga berada di luar dari tapak masjid yang telah dipajakkan oleh Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian (JKPTG) kepada Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) seluas 4.5 ekar bagi tempoh 60 tahun.

- b) Pihak JAIS selaku agensi yang diamanahkan untuk mengurus tatakelola pengurusan Masjid Lapangan Terbang Subang tersebut juga tidak dapat membantu urusan penggantian tapak rumah tersebut memandangkan ianya diluar dari bidangkuasa jabatan ini dan pemilikan tanah adalah atas MAHB.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELOK DATOK)**

**TAJUK : PEMBINAAN 64 BUAH RUMAH KOS RENDAH DAN 4 BUAH KEDAI
KOS RENDAH UNTUK BEKAS PEKERJA LADANG SUNGAI BELATA
HULU SELANGOR**

227. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perkembangan atau keputusan dibuat oleh Kerajaan Negeri mengenai sekumpulan seramai 64 bekas pekerja ladang atau waris di Sungai Belata Hulu Selangor yang telah menurunkan tandatangan Perjanjian Jual Beli (S&P) dengan Tetuan Syarikat Lembah Beringin S/B anak Syarikat Land and General Bhd pada Tahun 2001, di mana Tetuan Syarikat Lembah Beringin berjanji akan membina 64 buah rumah teres kos rendah, 4 buah kedai kos rendah, kuil, dewan orang ramai, tapak kubur dan sekolah rendah?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat Telok Datok, Ladang Sungai Belata pada asalnya dimiliki oleh Cipta Ria Sdn. Bhd. dan dipindahmilik kepada Lembah Beringin Sdn. Bhd. pada tahun 1989 bagi projek pembangunan rumah pemilikan sendiri untuk 64 keluarga bekas pekerja Ladang Belata.

Pemaju Tetuan *Land And General* Berhad telah menandatangani Perjanjian Jual Beli pada tahun 2001 dengan 64 keluarga melibatkan pembinaan 64 buah rumah dan kemudahan lain seperti tapak kuil, tapak dewan, tapak sekolah tamil dan kubur di atas tanah seluas 12.30 ekar di Lot 486 (G.60995) Mukim Kerling Daerah Hulu Selangor.

Setelah projek ini lama tertangguh, Tetuan Clarity Crest Sdn. Bhd. yang juga merupakan pemilik baru telah mengemukakan permohonan Kebenaran Merancang pada 13 Julai 2015. Permohonan tersebut telah diluluskan oleh Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) pada 30 September 2015.

Untuk makluman Yang Berhormat Telok Datok juga, isu ini telah dibawa ke perhatian saya pada 30 Disember 2015 oleh pihak Jawatankuasa Bertindak Bekas Pekerja Ladang Sungai Belata.

Sehubungan itu, pada 13 Januari 2016, pejabat saya telah mengemukakan satu surat kepada Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor untuk mendapatkan ulasan berhubung status projek pembinaan rumah Ladang Belata.

Pada surat bertarikh 3 Februari 2016, Tetuan Clarity Crest Sdn. Bhd. memohon untuk mendapatkan pengecualian bayaran caruman parit dan caj pembangunan dari Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS).

Satu kertas EXCO Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) telah diangkat oleh Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) berhubung Rayuan Pengecualian Caj Pemajuan Bagi Permohonan Kebenaran Merancang Mengikut Seksyen 21 Akta 172 Bagi Tujuan Penyerahan dan Pemberimilikan Semula Tanah di Bawah Seksyen 204b (KTN) Bagi Cadangan Pembangunan 64 Unit Rumah Sesebuah (Penempatan Semula Pekerja Ladang) di atas hak milik GRN 60995 – Lot 486 Seluas 12.502 ekar, Mukim Kerling Untuk Tetuan Clarity Crest Sdn. Bhd.

Walau bagaimanapun, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) telah menimbang dan menolak Rayuan Pengecualian Caj Pemajuan Bagi Permohonan Kebenaran Merancang Mengikut Seksyen 21 Akta 172 Bagi Tujuan Penyerahan dan Pemberimilikan Semula Tanah di Bawah Seksyen 204b (KTN) Bagi Cadangan Pembangunan 64 Unit Rumah Sesebuah (Penempatan Semula Pekerja Ladang) di atas hak milik GRN 60995 – Lot 486 Seluas 12.502 ekar, Mukim Kerling Untuk Tetuan Clarity Crest Sdn. Bhd.

Mesyuarat susulan telah diadakan pada 3 Mei 2016 dan diputuskan untuk menangguhkan projek Ladang Belata sehingga isu bekas pekerja ladang diselesaikan. Pada 26 Mei 2016, Pejabat EXCO kami telah mengeluarkan surat rasmi bagi penangguhan projek tersebut kepada Majlis Daerah Hulu Selangor dan Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor.

Pejabat saya difahamkan bahawa satu demonstrasi telah dianjurkan oleh bekas pekerja-pekerja Ladang Belata di Pejabat *Land And General* Berhad pada bulan Disember 2016.

Pihak *Land And General* Berhad menulis surat ke pejabat kami untuk mengadakan mesyuarat bersama bekas pekerja-pekerja Ladang Belata melalui surat bertarikh 2 November 2016.

Pada 21 Mac 2017, mesyuarat susulan telah diadakan di pejabat saya yang dihadiri oleh semua pihak. Semasa mesyuarat tersebut, *Land & General* Sdn. Bhd. telah mengaku bahawa mereka adalah Syarikat Induk kepada Lembah Beringin Sdn Bhd dan telah diliquiditasi pada 2006. Difahamkan, *Land & General* Sdn. Bhd. bertanggungjawab dalam mengambil alih urusan kebajikan pekerja Ladang Sungai Belata di mana mereka mempunyai anak syarikat Clarity Crest Sdn Bhd yang menjalankan projek pembangunan di Daerah Hulu Selangor.

Land & General Sdn. Bhd. telah menyatakan tuntutan lot tapak asal tidak dapat ditunaikan kerana tapak tersebut telah terikat dengan pinjaman bank dan dikeveatkan oleh bank-bank lain serta beberapa pihak yang mempunyai kepentingan di atas tapak asal tersebut. Oleh yang demikian, *Land & General Sdn. Bhd.* telah menawarkan tapak baru Lot Bernombor 486 seluas 12.30 ekar untuk dibahagikan lot persendirian kepada 64 keluarga.

Walau bagaimanapun wakil pekerja Ladang Sungai Belata seramai 53 keluarga tidak setuju dengan tawaran tapak baru tetapi ingin mengadakan perbincangan dengan *Land & General Sdn. Bhd.* untuk mendapatkan solusi yang lebih komprehensif.

Mesyuarat telah memutuskan untuk menunda ke tarikh baru pada 11 April 2017 selepas Jawatan kuasa Wakil Pekerja Ladang Sungai Belata dan Syarikat *Land & General Sdn. Bhd.* bersetuju mengadakan mesyuarat bersama dan akan memberi keputusan perbincangan pada hari mesyuarat tersebut. Pada masa yang sama, Pejabat Daerah/Tanah Hulu Selangor dan Majlis Daerah Hulu Selangor mengemukakan status tanah terkini atas lot asal berserta dengan Pelan kebenaran Merancang bagi Lot 486 pada 11 April 2017. Sehingga kini, Pejabat EXCO kami masih menunggu keputusan mesyuarat oleh kedua-dua pihak.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELOK DATOK)**

TAJUK : PROJEK MARRIS TAHUN 2016

228. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila menyatakan senarai nama projek, lokasi dan jumlah perbelanjaan Projek MARRIS tahun 2016 yang telah digunakan di kawasan DUN Sijangkang, Morib dan Telok Datok.

JAWAPAN:

- a) Senarai nama projek, lokasi dan jumlah perbelanjaan Projek MARRIS tahun 2016 yang telah digunakan di kawasan DUN Sijangkang, Morib dan Telok Datok adalah seperti di Lampiran A.

**LAPORAN PRESTASI PERBELANJAAN DAN PELAKSANAAN PROJEK MARRIS TAHUN 2016
SEHINGGA 30 DISEMBER 2016
BERDASARKAN AHLI DEWAN NEGERI**

PIHAK BERKUASA TEMPATAN : MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT														
BIL	NAMA PROJEK	ANGGARAN KOS (RM)	KOS PROJEK (RM)	PENJIMATAN (RM)	DUN	KONTRAKTOR	TARIKH MULA	TARIKH SIAP	STATUS PELAKSANAAN Sila Tandakan (1)					CATATAN
									BM	DJ	IJ	LJ	SS	
DUN SIJANGKANG														
1	CADANGAN MENURAP SEMULA JALAN DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI JALAN JP 1/1, JP 1/12, JP 1/13, JP 1/15 DAN JP 1/17, TAMAN JENJAROM PERMAI, JENJAROM, KUALA LANGAT.	117,930.00	86,676.20	31,253.80	SIJANGKANG	MUTIARA BATU LAUT ENTERPRISE	04.04.16	18.04.16					1	MDKL/JPP/SH:03/16
2	CADANGAN MENURAP SEMULA JALAN DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI JALAN SJ 1, 1A, 2, 3, 4, 5, 6, 7, LORONG TEPI DAN LORONG TENGAH, TAMAN SIJANGKANG JAYA, TELOK PANGLIMA GARANG, KUALA LANGAT.	318,405.00	233,374.90	85,030.10	SIJANGKANG	SUMURA ENTERPRISE	04.04.16	25.04.16					1	MDKL/JPP/SH:06/16
3	CADANGAN MENURAP SEMULA JALAN DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI JALAN BENDAHARA 3, JALAN TEMENGGONG, TEMENGGONG 1, 3, 5, LORONG TEPI DAN LORONG BELAKANG, TAMAN DESAWIRA, TELOK PANGLIMA GARANG, KUALA LANGAT.	290,170.00	212,717.62	77,452.38	SIJANGKANG	PERTUBUHAN PELADANG KAW. KUALA LANGAT.	04.04.16	25.04.16					1	MDKL/JPP/SH:07/16
4	CADANGAN MENURAP SEMULA JALAN DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI JALAN UTAMA 2, 7, 15, 17, 29, 31, 42, 50, 54, 58, LORONG TEPI DAN LORONG TENGAH, TAMAN JAYA UTAMA, TELOK PANGLIMA GARANG, KUALA LANGAT.	754,865.00	557,560.00	197,305.00	SIJANGKANG	FANILI TRADING	04.04.16	02.05.16					1	MDKL/JPP/T:01/16
5	CADANGAN MENURAP SEMULA JALAN SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI JALAN WAJA 14, 15 & 16, KAWASAN PERUSAHAAN TELOK PANGLIMA GARANG, TELOK PANGLIMA GARANG, KUALA LANGAT.	876,505.00	629,926.20	246,578.80	SIJANGKANG	ADI ENTERPRISE	03.10.16	31.10.16					1	MDKL/JPP/T:03/16

PIHAK BERKUASA TEMPATAN : MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT

BIL	NAMA PROJEK	ANGGARAN KOS (RM)	KOS PROJEK (RM)	PENJIMATAN (RM)	DUN	KONTRAKTOR	TARIKH MULA	TARIKH SIAP	STATUS PELAKSANAAN Sila Tandakan (1)					CATATAN
									BM	DJ	IJ	LJ	SS	
6	KERJA-KERJA MENYENGGARA SEBAHAGIAN JALAN SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI JALAN PERAK DAN GANGSA, KAWASAN PERUSAHAAN TELOK PANGLIMA GARANG, TELOK PANGLIMA GARANG, KUALA LANGAT.	214,220.00	159,249.00	54,971.00	SIJANGKANG	STRATEGIC SUCCES CONST. & SUPPLY	03.10.16	24.10.16					1	MDKL/JPP/SH:35/16
7	KERJA-KERJA MENYENGGARA LONGKANG DI JALAN AMAL & JALAN AMAL 2, TAMAN HALIJAHTON, TELOK PANGLIMA GARANG, KUALA LANGAT.	149,866.00	112,377.00	37,489.00	SIJANGKANG	AIZAM WAJA ENTERPRISE	03.10.16	28.11.16					1	MDKL/JPP/SH:43/16
8	CADANGAN MENURAP SEMULA JALAN DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI JALAN PIPIT 6/49, JALAN PUNAI 9/5, JALAN MERAK 2/11, TAMAN BENTARA, TELOK PANGLIMA GARANG, KUALA LANGAT.	222,790.00	169,539.58	53,250.42	SIJANGKANG	PEMBINAAN AL-BARR FITRAH	03.10.16	24.10.16					1	MDKL/JPP/SH:36/16
9	CADANGAN MENURAP SEMULA JALAN DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI JALAN SATHIA 1, TAMAN SATHIA, TELOK PANGLIMA GARANG, KUALA LANGAT.	67,525.00	50,548.22	16,976.78	SIJANGKANG	HA MEDAN JAYA ENTERPRISE	03.10.16	24.10.16					1	MDKL/JPP/SH:37/16
10	KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN KABEL LAMPU JALAN DI JALAN EMAS, JALAN WAJA, JALAN WAJA 15, 16, JALAN PERAK, KAWASAN PERINDUSTRIAN TELOK PANGLIMA GARANG DAN JALAN WIRA, TAMAN PERWIRA, TELOK PANGLIMA GARANG, KUALA LANGAT.	115,409.00	94,562.50	20,846.50	SIJANGKANG	ELEKTRIK DIMENSI	03.10.16	21.11.16					1	MDKL/JPP/SH:53/16
11	CADANGAN MENURAP SEMULA JALAN SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI JALAN KELEWANG, TAMAN PANGLIMA SERTA JALAN DENDANG 19, TAMAN TELOK, TELOK PANGLIMA GARANG, KUALA LANGAT	122,220.00	85,162.00	37,058.00	SIJANGKANG	WANGDA ENTERPRISE	03.10.16	31.10.16					1	MDKL/JPP/SH:56/16

PIHAK BERKUASA TEMPATAN : MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT

BIL	NAMA PROJEK	ANGGARAN KOS (RM)	KOS PROJEK (RM)	PENJIMATAN (RM)	DUN	KONTRAKTOR	TARIKH MULA	TARIKH SIAP	STATUS PELAKSANAAN Sila Tandakan (1)					CATATAN
									BM	DJ	IJ	LJ	SS	
12	KERJA-KERJA MENYELENGGARA LONGKANG DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI LORONG BELAKANG JALAN WIRA 20 & 26, TAMAN PERWIRA, TELOK PANGLIMA GARANG, KUALA LANGAT	175,171.00	135,290.00	39,881.00	SIJANGKANG	KARISMA WEST WOJO ENTERPRISE MDKL/JPP/SH:61/16	03.10.16	12.12.16					1	MDKL/JPP/SH:61/16
13	KERJA-KERJA MENYENGGARA LONGKANG DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI SEKELILING PADANG JALAN UTAMA 12, 20 & 25, DAN MENYELANGGARA RAILING DI JALAN UTAMA 2, TAMAN JAYA UTAMA, TELOK PANGLIMA GARANG, KUALA LANGAT.	144,021.00	112,130.00	31,891.00	SIJANGKANG	PEMBINAAN BINTANG UTAMA	03.10.16	12.12.16					1	MDKL/JPP/SH:62/16
JUMLAH TERKUMPUL DUN		3,569,097.00	2,639,113.22	929,983.78					0	0	0	0	13	
DUN TELOK DATOK														
1	CADANGAN MENYELENGGARA LONGKANG DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI JALAN MELOR, JALAN TERATAI & JALAN CEMPAKA, TAMAN SERI TELOK DATOK, BANTING, KUALA LANGAT	305,816.00	266,905.24	38,910.76	TELUK DATOK	SRI PERMATA SERVICES	04.04.16	30.05.16					1	MDKL/JPP/SH:13/16
2	CADANGAN MENURAP SEMULA JALAN DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI JALAN ANGKASA, JALAN ANGKASA 1D/1, 1D/2, 1D/4, 1D/6, 1D/7, 1D/8, 1D/9, 1D/10, 1D/12 DAN LORONG TEPI JALAN ANGKASA 1D/7, BANDAR MAHKOTA, BANTING KUALA LANGAT.	353,887.00	245,040.30	108,846.70	TELUK DATOK	MADI TEKUN ENTERPRISE	04.04.16	25.04.16					1	MDKL/JPP/SH:08/16
3	CADANGAN MENURAP SEMULA JALAN DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI JALAN SP 2/1, SP 2/2, SP 2/3, SP 2/4, SP 2/5, SP 2/6, SP2/7, SP 2/8 SP 2/9 DAN LORONG TEPI SP2/9, BANDAR SAUJANA PUTRA, JENJAROM KUALA LANGAT	463,292.00	332,996.35	130,295.65	TELUK DATOK	GENIUS PLUS ENTERPRISE	04.04.16	18.04.16					1	MDKL/JPP/SH:09/16
4	CADANGAN MENURAP SEMULA JALAN DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI JALAN SP 3/1, SP 3/2, SP 3/3, SP 3/4, SP 3/5, SP 3/8, SP 3/9, SP 3/10, SP 3/11, SP 3/12, SP 3/13, SP 3/14 DAN LORONG TENGAH, BANDAR SAUJANA PUTRA, JENJAROM KUALA LANGAT.	464,281.00	338,261.37	126,019.63	TELUK DATOK	INDASAH ENTERPRISE	04.04.16	25.04.16					1	MDKL/JPP/SH:10/16

PIHAK BERKUASA TEMPATAN : MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT

BIL	NAMA PROJEK	ANGGARAN KOS (RM)	KOS PROJEK (RM)	PENJIMATAN (RM)	DUN	KONTRAKTOR	TARIKH MULA	TARIKH SIAP	STATUS PELAKSANAAN Sila Tandakan (1)					CATATAN
									BM	DJ	IJ	LJ	SS	
5	CADANGAN MENURAP SEMULA JALAN DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI JALAN SP 7/15, SP 7/16, SP 7/17 DAN SEBAHAGIAN JALAN SP 7/10, SP 7/11, SP 7/12, SP 7/13 DAN SP 7/14, BANDAR SAUJANA PUTRA, JENJAROM, KUALA LANGAT.	417,839.00	312,430.98	105,408.02	TELUK DATOK	MISNAN ENTERPRISE	03.10.16	24.10.16					1	MDKL/JPP/SH:39/16
6	CADANGAN MENURAP SEMULA JALAN DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI JALAN SP 9/3, SP 9/14, SP 9/34 DAN SP 9/35, BANDAR SAUJANA PUTRA, JENJAROM, KUALA LANGAT.	457,120.50	342,175.42	114,945.08	TELUK DATOK	MUSTIKA INDAH ENTERPRISE	03.10.16	24.10.16					1	MDKL/JPP/SH:40/16
7	KERJA-KERJA MENYENGGARA LONGKANG DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI JALAN DELIMA 6, TAMAN DELIMA, BANTING, KUALA LANGAT.	79,034.00	61,706.00	17,328.00	TELUK DATOK	IDAMAN SENJA ENTERPRISE	03.10.16	28.11.16					1	MDKL/JPP/SH:49/16
8	KERJA- KERJA CANTASAN DAN PEMOTONGAN POKOK DI PERSIARAN MAHKOTA DAN JALAN ANGKASA, BANDAR MAHKOTA, KUALA LANGAT	110,600.00	94,689.80	15,910.20	TELUK DATOK	BADARIAH CONSTRUCTION	30.09.16	10.11.16					1	MDKL/JL/SH.14/2016
9	KERJA-KERJA PENGGANTIAN KABEL DAN LAMPU JALAN DI JALAN SP1 & SP2, BANDAR SAUJANA PUTRA, JENJAROM, KUALA LANGAT.	81,580.00	69,631.40	11,948.60	TELUK DATOK	TENAGA GADANG SDN BHD	03.10.16	28.11.16					1	MDKL/JPP/SH:54/16
10	CADANGAN MENURAP SEMULA JALAN DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI JALAN SENTOSA, SG. MANGGIS, BANTING, KUALA LANGAT	154,064.00	113,422.12	40,641.88	TELUK DATOK	ZAIDON BIN MOHD MAHAYEDIN	03.10.16	24.10.16					1	MDKL/JPP/SH:57/16
11	KERJA-KERJA MENYELENGGARA RAILLING DI TAMAN MANGGIS JAYA, TAMAN SERI TELOK DATOK, TAMAN MUHIBBAH, TAMAN SARI, TAMAN DELIMA DAN TAMAN SERI BUNUT, BANTING, KUALA LANGAT	95,195.00	69,200.00	25,995.00	TELUK DATOK	SJ INDAH TEGUH ENTERPRISE	03.10.16	31.10.16					1	MDKL/JPP/SH:65/16

PIHAK BERKUASA TEMPATAN : MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT

BIL	NAMA PROJEK	ANGGARAN KOS (RM)	KOS PROJEK (RM)	PENJIMATAN (RM)	DUN	KONTRAKTOR	TARIKH MULA	TARIKH SIAP	STATUS PELAKSANAAN Sila Tandakan (1)					CATATAN
									BM	DJ	IJ	LJ	SS	
12	KERJA-KERJA MENYELENGGARA LONGKANG DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI SEBAHAGIAN JALAN BERINGIN 6, 9, 10 DAN LORONG TEPI, TAMAN SARI, BANTING, KUALA LANGAT	200,383.00	166,302.66	34,080.34	TELUK DATOK	HANDY CONSTRUCTION	03.10.16	12.12.16					1	MDKL/JPP/SH:67/16
13	KERJA-KERJA MENYELENGGARA LONGKANG DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI JALAN SEKOLAH, TELUK DATOK, BANTING, KUALA LANGAT	83,361.00	61,236.50	22,124.50	TELUK DATOK	PACHITAN ENTERPRISE	03.10.16	12.12.16					1	MDKL/JPP/SH:72/16
14	KERJA-KERJA MENYELENGGARA RAILING DI JALAN BAYAM 1, TAMAN DESA JAROM, JENJAROM, KUALA LANGAT	54,880.00	40,380.00	14,500.00	TELUK DATOK	DIMENSI BARU ENTERPRISE	03.10.16	31.10.16					1	MDKL/JPP/SH:69/16 KELEWATAN DARIPADA PEMBEKAL
15	KERJA-KERJA MENYELENGGARA PERABOT JALAN DI JALAN SPU1 & SPU2, BANDAR SAUJANA PUTRA, JENJAROM, KUALA LANGAT.	69,740.00	54,195.68	15,544.32	TELUK DATOK	SRI HBA ENTERPRISE	03.10.16	31.10.16					1	MDKL/JPP/SH:70/16
16	KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN GARISAN JALAN DI JALAN SEKOLAH, KG. BARU SUNGAI JAROM, JENJAROM, KUALA LANGAT.	19,950.00	19,950.00	0.00	TELUK DATOK	AAF MAJU ENTERPRISE	03.10.16	31.10.16					1	MDKL/JPP/PENY:72/ 16
JUMLAH TERKUMPUL DUN		3,411,022.50	2,588,523.82	822,498.68					0	0	0	0	16	
DUN MORIB														
1	CADANGAN MENURAP SEMULA JALAN DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI JALAN PERSIARAN BANTING UTAMA, JALAN CENGAL, JALAN MERBAU & JALAN JATI, TAMAN BANTING BARU, BANTING, KUALA LANGAT.	579,680.00	467,528.90	112,151.10	MORIB	AFTACOP SDN BHD	04.04.16	02.05.16					1	MDKL/JPP/I:02/16

PIHAK BERKUASA TEMPATAN : MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT

BIL	NAMA PROJEK	ANGGARAN KOS (RM)	KOS PROJEK (RM)	PENJIMATAN (RM)	DUN	KONTRAKTOR	TARIKH MULA	TARIKH SIAP	STATUS PELAKSANAAN Sila Tandakan (1)					CATATAN
									BM	DJ	IJ	LJ	SS	
2	CADANGAN MENURAP SEMULA JALAN DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI JALAN BB 6/2, 6/4, 6/6, 6/8, 6/10, 6/12, 6/14, 6/16, LORONG TEPI & LORONG TENGAH, TAMAN BANTING BARU, BANTING, KUALA LANGAT.	314,206.00	229,076.60	85,129.40	MORIB	SERI BUDIMAN ENTERPRISE	04.04.16	02.05.16					1	MDKL/JPPI/SH:11/16
3	CADANGAN MENURAP SEMULA JALAN DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI JALAN TOMAN 6, 9, 10, 11, 12, 15 & 16, TAMAN SERI PUTRA, BANTING, KUALA LANGAT.	233,115.00	166,759.20	66,355.80	MORIB	EWANA BINA RESOURCES	04.04.16	25.04.16					1	MDKL/JPPI/SH:12/16
4	KERJA-KERJA MENYENGGARA LONGKANG DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI JALAN TILAPIA 7, TAMAN SERI PUTRA, BANTING, KUALA LANGAT.	53,202.50	51,589.14	1,613.36	MORIB	BANDAR PINGGIR CONSTRUCTION	03.10.16	28.11.16					1	MDKL/JPPI/SH:44/16
5	KERJA-KERJA MENYENGGARA LONGKANG DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI LORONG BELAKANG JALAN BUDI 8, TAMAN BUDIMAN, BANTING, KUALA LANGAT.	301,898.60	251,230.60	50,668.00	MORIB	SIMON TRADING & CO.	03.10.16	19.12.16					1	MDKL/JPPI/SH:45/16
6	KERJA-KERJA MENYENGGARA LONGKANG DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI JALAN 2, TAMAN JUGRA JAYA, BANTING, KUALA LANGAT	426,240.00	382,342.00	43,898.00	MORIB	MAARS TRADING	03.10.16	26.12.16					1	MDKL/JPPI/SH:46/16
7	KERJA-KERJA MENYENGGARA LONGKANG DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI JALAN HANG LEKIR DAN HANG JEBAT, KUATERS KERAJAAN, BANTING, KUALA LANGAT.	261,632.00	216,552.70	45,079.30	MORIB	AS BINA ENTERPRISE	03.10.16	26.12.16					1	MDKL/JPPI/SH:50/16
8	KERJA-KERJA MENYENGGARA JALAN DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI SEBAHAGIAN JALAN GANGSA, KAWASAN PERINDUSTRIAN BANTING,BANTING, KUALA LANGAT.	81,814.00	62,265.46	19,548.54	MORIB	PERMATA SMY ENTERPRISE	03.10.16	24.10.16					1	MDKL/JPPI/SH:41/16

PIHAK BERKUASA TEMPATAN : MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT

BIL	NAMA PROJEK	ANGGARAN KOS (RM)	KOS PROJEK (RM)	PENJIMATAN (RM)	DUN	KONTRAKTOR	TARIKH MULA	TARIKH SIAP	STATUS PELAKSANAAN Sila Tandakan (1)					CATATAN
									BM	DJ	IJ	LJ	SS	
9	KERJA- KERJA CANTASAN DAN PEMOTONGAN POKOK DI JALAN CENGAL, MERBAU, MERANTI DAN JALAN JATI, TAMAN BANTING BARU, KUALA LANGAT	207,500.00	159,106.00	48,394.00	MORIB	JAR IMPIAN ENTERPRISE	30.09.16	10.11.16					1	MDKL/JL/SH.15/2016
10	KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN LAMPU JALAN DAN FEEDER PILLAR DI JALAN IKAN AIR TAWAR, TAMAN SERI PUTRA, BANTING, KUALA LANGAT.	18,750.00	18,750.00	0.00	MORIB	ELEKTRIK SETUAH	03.10.16	31.10.16					1	MDKL/JPP/SH:68/16
11	CADANGAN MENURAP SEMULA JALAN DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI SEBAHAGIAN JLN BUNGA PEKAN 5, JALAN CEMPAKA, LORONG TEPI JLN BUNGA PEKAN, JLN BUNGA PEKAN 2 DAN LRG BELAKANG JLN BUNGA PEKAN 2, BANDAR BANTING, BANTING, KUALA LANGAT	224,500.00	167,712.14	56,787.86	MORIB	KONTRAKTOR RAMSAH	03.10.16	24.10.16					1	MDKL/JPP/SH:58/16
12	CADANGAN MENYELENGGARA LONGKANG DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI LORONG TEPI JALAN BUDI 2, TAMAN BUDIMAN, BANTING, KUALA LANGAT	65,945.00	49,425.00	16,520.00	MORIB	SYARIKAT BAKTI TANJONG	03.10.16	28.11.16					1	MDKL/JPP/SH:63/16
13	KERJA-KERJA MENYELENGGARA BAHU JALAN DI JALAN SUASA, BANDAR BANTING, BANTING, KUALA LANGAT	220,020.00	166,010.00	54,010.00	MORIB	SA'ADON ENTERPRISE	03.10.16	12.12.16					1	MDKL/JPP/SH:73/16
14	KERJA-KERJA MENYELENGGARA RAILLING DI TAMAN AMAN, TAMAN KEMUNING, TAMAN CEMPAKA, TAMAN BUDIMAN, KWSN INDUSTRI BANTING, PEKAN BANTING, TAMAN MULIA DAN TAMAN BANTING MEWAH, BANTING, KUALA LANGAT.	111,117.00	94,891.20	16,225.80	MORIB	TANJONG UNGGUL ENTERPRISE	03.10.16	07.11.16					1	MDKL/JPP/SH:66/16
JUMLAH TERKUMPUL DUN		3,099,620.10	2,483,238.94	616,381.16					0	0	0	0	14	
JUMLAH KESELURUHAN		10,079,739.60	7,710,875.98	2,368,863.62					-	-	-	-	43	

***NOTA :**

BM - Belum Mula; DJ - Dahulu Jadual ; IJ - Ikut Jadual; LJ - Lewat Jadual; ; dan SS - Siap Sebenar

Catatan : Sila nyatakan sebab sekiranya projek Lewat Jadual (LJ) dan tarikh lanjutan masa (sekiranya ada).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM
(N46 PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : PERINCIAN PERBELANJAAN KERAJIAN KERAJAAN NEGERI

229. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Perincian perbelanjaan keraian rumah terbuka oleh Kerajaan Negeri dan/atau anak syarikat Kerajaan Negeri mengikut musim perayaan dari tahun 2014 sehingga 2017 serta anggaran pengunjung yang hadir di setiap rumah terbuka.

JAWAPAN:

- a) Jumlah perbelanjaan keraian rumah terbuka oleh Kerajaan Negeri dan/ atau anak syarikat Kerajaan Negeri mengikut musim perayaan pada tahun 2014 hingga 2017 serta anggaran pengunjung yang hadir di setiap rumah terbuka adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

LAMPIRAN A

BIL.	PERIHAL	TAHUN 2014		TAHUN 2015		TAHUN 2016		TAHUN 2017	
		AMAUN (RM)	Anggaran Pengunjung	AMAUN (RM)	Anggaran Pengunjung	AMAUN (RM)	Anggaran Pengunjung	AMAUN (RM)	Anggaran Pengunjung
1.	Hari Raya Aidilfitri	-	-	1,665,561.00	55,750	1,720,161.30	50,000	1,792,500.00	50,000
2.	Tahun Baru Cina	250,000.00	8,000	502,897.61	8,000	623,427.03	10,000	427,443.00	11,500
3.	Deepavali	250,000.00	10,000	250,000.00	10,000	250,000.00	10,000	-	-
4.	Krismas	250,000.00	8,000	250,000.00	8,000	250,000.00	8,000	-	-
JUMLAH		750,000.00	26,000	2,668,458.61	81,750	2,843,588.33	78,000	2,219,943.00	61,500

Nota:

1. Program Sambutan Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri tahun 2014 adalah dibatalkan susulan tragedi pesawat MH17.
2. Sambutan Rumah Terbuka Deepavali dan Krismas tahun 2017 belum dianjurkan memandangkan Deepavali bakal disambut pada 18 Oktober 2017 dan Krismas pada 25 Disember 2017.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM
(N46 PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : GARIS PANDUAN KAWASAN KEJIRANAN BERPAGAR (*GATED NEIGHBOURHOOD*)

230. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Perancangan menggubal satu garis panduan kawasan kejiranan berpagar yang jelas dan seragam untuk seluruh Negeri Selangor supaya tidak menghalang mana-mana komuniti yang mahu mengambil langkah untuk memastikan keselamatan rumah dan keluarga mereka.

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) telah mengeluarkan Pekeliling Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor Bilangan 1 Tahun 2016 berkenaan Garis Panduan Skim Perumahan Berpengawal (*Guarded Community*) Di Negeri Selangor (Penambahbaikan 2016) yang berkuatkuasa pemakaiannya pada 1 September 2016.

Garis Panduan tersebut telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Ke 20/2016 bertarikh 15 Jun 2016 dan telah disahkan oleh MMKN Ke 21/2016 bertarikh 23 Jun 2016 bagi menggantikan garis panduan sedia ada yang telah diluluskan oleh MMKN Ke 19/2010 pada 2 Jun 2010 dan disahkan oleh MMKN Ke 20/2010 pada 9 Jun 2010.

Penambahbaikan Garis Panduan Skim Perumahan Komuniti Berpengawal (*'Guarded Community'*) turut mengambil kira Garis Panduan Perancangan *'Gated Community and Guarded Neighbourhood'* yang dikeluarkan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (JPBD) di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang telah dikeluarkan pada September 2010.

Tujuan penyediaan Garis Panduan ini adalah bertujuan untuk **pematuhan kepada undang-undang ('compliance of law')** yang memberikan kebenaran penutupan jalan awam selari dengan peruntukan undang-undang sedia ada iaitu (i) Kanun Tanah Negara 1965, (ii) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [Akta 133]; (iii) Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333], (iv) Akta Kerajaan tempatan 1976 [Akta 171] , (v) Perjanjian Jualbeli, di bawah Jadual G, Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 (Akta 118) dan Akta Ejensi Persendirian 1971 (Akta 27). Sekiranya tiada garis panduan khusus

disediakan dan isu-isu berbangkit berkenaan pelaksanaan ini tidak ditangani secara berhemah, ia bukan sahaja akan memberi kesan kepada penduduk itu sendiri tetapi juga akan mengakibatkan visual yang kurang menarik sesuatu bandar.

Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat 4 perkara utama yang dibuat penambahbaikan / pindaan ke atas garis panduan tersebut iaitu,

1. **Penghalang hanya dibenarkan beroperasi dari jam 12 tengah malam sehingga 6 pagi.** Pertimbangan boleh diberikan sekiranya **penghalang ditutup 24 jam dengan syarat terdapat pengawal keselamatan** yang sentiasa bertugas selama 24 jam secara bergilir-gilir dan membuka halangan apabila diperlukan pada bila-bila masa.
2. **Penggunaan Kad Akses (automatik) hanya boleh dibenarkan sekiranya penyertaan 100% penduduk atau difikirkan wajar mengikut kesesuaian PBT / PTD** berkaitan bagi Skim '*Guarded Community*' untuk mengelakkan isu dan permasalahan dikemudian hari.
3. Binaan pondok pengawal sahaja dibenarkan dan saiz adalah 6 kaki x 8 kaki atau saiz lain yang difikirkan sesuai oleh PBT dan **kemudahan-kemudahan lain adalah tertakluk kepada kelulusan PBT.**
4. **Dilarang sama sekali membina tembok / pagar ('fencing')** yang mengelilingi kawasan pembangunan kecuali disebabkan faktor keselamatan seperti terdapatnya parit besar, sungai dan lebuhraya dengan kelulusan PTD / PBT dan spesifikasi perlu mendapat kelulusan PBT terlebih dahulu.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, selain daripada Garis Panduan Dasar yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri, terdapat beberapa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang sedang dan telah mengeluarkan Garis Panduan terperinci mengikut kesesuaian masing-masing seperti Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dan Majlis Perbandaran Klang (MPK).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM
(N46 PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : KEPERLUAN HOSPITAL AWAM DI KAPAR, KLANG

231. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Perkembangan terkini rancangan membina sebuah hospital awam di Kapar, Klang bagi menampung peningkatan ketara bilangan pesakit di Selangor memandangkan Kerajaan Negeri dilaporkan telah mengemukakan permohonan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sejak 2014.

JAWAPAN:

- a) Ketua Pengarah Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri (UKAS, JPM) melalui surat bertarikh 19 September 2013 telah menyatakan pendirian Kerajaan Persekutuan berhubung keperluan Kerajaan Negeri Selangor untuk menyediakan tanah yang sesuai tanpa sebarang kos bagi membolehkan Kerajaan Persekutuan membina Hospital Kapar, Selangor Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor melalui surat bertarikh 23 Oktober 2013 memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Selangor mengambil maklum pendirian Kerajaan Persekutuan tersebut dan mengemukakan dua tapak cadangan yang telah dikenal pasti.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) secara prinsipnya bersetuju untuk memilih tanah pembangunan Sime Darby di kawasan Kapar seluas lebih kurang 50 ekar. Berdasarkan surat JKPTG Selangor bertarikh 7 Jun 2017, pihaknya mengesahkan bahawa tanah masih dimiliki oleh Sime Darby. Sehubungan dengan itu, KKM hanya boleh mengemukakan permohonan pembermilikan kepada Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG) setelah urusan penyerahan tanah tersebut oleh Sime Darby kepada Kerajaan Negeri selesai kelak.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM
(N46 PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : SKIM MESRA USIA EMAS (SMUE)

232. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Semua permasalahan dalam sebarang bentuk dalam pelaksanaan Skim Mesra Usia Emas dan inisiatif khusus untuk warga emas Selangor yang lain di samping sebarang pelan tindakan untuk menangani semua isu berbangkit secara tuntas dan efektif.

JAWAPAN:

- a) Antara permasalahan berkaitan pelaksanaan SMUE adalah melibatkan 3 perkara berikut:-
- 1) Terdapat sebahagian daripada pihak PKM yang gagal menghantar Laporan Buku Tunai dalam tempoh masa yang ditetapkan. Masalah berkenaan sudah sering dibangkitkan semasa mesyuarat pelarasan SMUE bersama dengan pihak Perbendaharaan dan PDT. Beberapa langkah sudah diambil termasuk menghantar surat peringatan kepada YB/ Penyelaras berkenaan dan memanggil PKM berkenaan.
 - 2) Terdapat banyak pihak PKM mendakwa, pihak AmBank sering gagal menghantar Penyata Bank bulanan ke alamat yang sepatutnya. Ini menyukarkankan lagi pihak PKM untuk menyediakan Laporan Buku Tunai seperti yang ditetapkan sebelum 18hb bulan berikutnya. Banyak PKM terpaksa bergantung kepada salinan pendua yang dibekalkan oleh Perbendaharaan Negeri Selangor. Terbaru, semua PKM disaran menggunakan perkhidmatan perbankan internet untuk mencetak penyata bank tanpa perlu menunggu yang lama seperti sebelum ini. Diharap semua DUN menggunakan kemudahan yang disediakan oleh pihak AmBank ini kerana masih banyak ADUN yang belum berbuat demikian.
 - 3) Terdapat sedikit kesukaran untuk mengimbangi jumlah pengeluaran dana SMUE dari akaun ATM oleh ADUN dan jumlah penghantaran dokumen berkaitan pembayaran ke PDT. Pemantauan oleh pihak RMSB/ Perbendaharaan agak sukar kerana melibatkan semakan secara manual ke atas buku tunai dan penyata bank. Oleh itu terdapat cadangan supaya cara pengoperasian SMUE dikembalikan ke kaedah asal iaitu dengan menggunakan sistem rekupan. Penyaluran dana ke akaun ATM ADUN tidak lagi berlaku secara automatik pada setiap minggu.

Setakat ini cadangan pihak RMSB memberi inisiatif khusus kepada warga emas melalui pelaksanaan Jom Shopping telah ditangguhkan pelaksanaannya oleh MMKN yang bermesyuarat pada 19hb Oktober 2016.

Sejak 1hb Oktober 2017, RMSB masih belum mempunyai Ketua Pegawai Operasi dan memandangkan proses penggabungan dengan pihak Yawas belum selesai sepenuhnya, maka buat masa ini pihak RMSB belum dapat mengemukakan sebarang cadangan baru kepada pihak Kerajaan Negeri untuk sebarang inisiatif khusus yang lain.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM
(N46 PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : PENSTRUKTURAN SEMULA INDUSTRI AIR SELANGOR

233. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Perkembangan terkini penstrukturan semula industri air Selangor terutama pengambilalihan SPLASH dan pencapaian semua tawaran berkaitan air dalam manifesto PRU13 di samping hasil sebarang kajian kebolehlaksanaan penaiktarafan dan/atau penggantian paip saluran air serta tata cara pelaksanaan dan pemantauan.

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM
(N46 PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : DANA MIKRO KREDIT DAN IKS

234. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Perincian mengenai kesemua institusi mikro kredit dan skim perusahaan kecil dan sederhana Kerajaan Negeri termasuk objektif; industri tumpuan; jenis intervensi; pencapaian berbanding sasaran sejak penubuhan dari segi bilangan penerima, jumlah kredit, kadar pembayaran semula dan sebagainya

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor mempunyai dua (2) jenis bantuan kepada usahawan di dalam Negeri Selangor. HIJRAH Selangor menyediakan pinjaman kewangan berperingkat bermula tahun 2015. Sebelum ini program pinjaman kewangan ini dikenali sebagai Mikro kredit Bersepadu yang menggabungkan skim-skim mikro kredit SKIMSEL, MIMBAR dan WALA yang telah dilaksanakan semenjak tahun 2010. Ia merupakan satu sistem pengeluaran modal yang mudah, cepat dan tidak membebankan kepada penjaja dan peniaga kecil yang menghadapi masalah kekurangan modal, dan peluang mendapatkan modal tambahan. Pinjaman berperingkat ini dikategorikan mengikut skim 1 – 4 dan jumlah kelulusan diberikan sehingga RM50,000.00 mengikut syarat-syarat tertentu. Sehingga kini sebanyak 32,146 peminjam yang telah menerima manfaat daripada program ini. Pinjaman ini difokuskan kepada tiga (3) sektor utama iaitu pembekalan, pemakanan dan perkhidmatan. Namun terdapat sektor lain yang membuat pinjaman ini iaitu pertanian, penternakan dan pemprosesan.

Dalam merangka kaedah pengurusan dan pelaksanaan skim HIJRAH Selangor, objektif-objektif berikut dikenalpasti sebagai matlamat program.

- i. Menawarkan modal tambahan yang mudah, cepat dan tidak membebankan.
- ii. Menggalakkan budaya menabung di kalangan penjaja dan peniaga kecil.
- iii. Mewujudkan rangkaian usahawan yang operasional.
- iv. Membina usahawan yang berwawasan dan berdaya saing serta berkemahiran dan juga proaktif.
- v. Mewujudkan peluang-peluang perniagaan yang baharu.
- vi. Melahirkan Usahawan baharu di kalangan rakyat yang berpendapatan rendah

Pinjaman mikrokredit HIJRAH Selangor adalah untuk penjaja dan peniaga kecil sahaja. Jenis-jenis perniagaan berikut dikenalpasti sebagai layak untuk menyertai program ini.

- i. Gerai Tetap**
Seperti gerai pasar, gerai menjual makanan dan minuman, gerai menjual barang-barang keperluan harian dan lain-lain.
- ii. Kedai Tetap**
Seperti kedai runcit, restoran dan kedai-kedai yang menjual barangan seperti pakaian, pinggan mangkuk, keperluan dan perkakasan dapur, kraftangan dan perhiasan, ubat-ubatan tradisional dan lain-lain.
- iii. Perniagaan Perkhidmatan**
Seperti perniagaan yang menyediakan perkhidmatan jahitan, salon rambut/kecantikan, studio gambar, kerja kimpalan, bengkel motor, mekanik radio/tv, membaiki alat-alat elektrik, pengiklanan dan membuat papan tanda, membaiki kasut, jam dan lain-lain.
- iv. Perkhidmatan Pengangkutan**
Seperti pengusaha lori kecil, teksi, kereta sewa dan lain-lain. Mempunyai Permit Sah atas Nama Pemohon.
- v. Gerai Bergerak**
Seperti pasar malam, pasar tani, pekan sehari dan lain-lain.
- vi. Aktiviti Pertanian, Perikanan dan Penternakan**
Seperti sayuran, buah-buahan, tanaman bunga dan pokok, hasil laut, ikan, udang, sotong, ternakan untuk daging dan tenusu dan haiwan peliharaan.

Bilangan penerima adalah sebanyak 32,146 orang dengan jumlah pinjaman sebanyak RM 237,751,500.00. Setakat ini mengikut rekod, kadar bayaran balik pinjaman HIJRAH Selangor adalah 82.14%. Sasaran pinjaman mikrokredit HIJRAH Selangor adalah sebanyak 56,000 orang menjelang tahun 2018.

Selain itu di bawah Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan Negeri Selangor ada menyediakan Dana Usahawan Mikro Selangor yang memberikan had nilai bantuan sehingga RM30,000.00 berbentuk pembelian peralatan/mesin/perkakasan, meningkatkan kualiti premis, pembiayaan kos untuk pembangunan produk dan pensijilan dan lain-lain keperluan nilai tambah yang mampu melonjakkan pembangunan usahawan mikro di Negeri Selangor. Bantuan ini diberikan kepada semua jenis perusahaan kecuali pertanian dan perusahaan mestilah telah 2 tahun beroperasi. Sehingga tahun 2017, sebanyak 580 orang usahawan telah menerima bantuan ini. Setiap tahun dianggarkan 100 usahawan akan menerima bantuan ini. Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan Negeri Selangor sedang dalam perbincangan bersama Institut Darul Ehsan untuk menilai keberkesanan bantuan ini terhadap usahawan di Negeri Selangor

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM
(N46 PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : LANTIKAN AHLI LEMBAGA PENGARAH GLC SELANGOR

235. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sebarang pelan tindakan menghapuskan atau paling tidak, meminimumkan lantikan politik di Lembaga Pengarah/Pemegang Amanah di kesemua Anak Syarikat Negeri dan sebaliknya memberi peluang kepada golongan professional dan bekas penjawat awam yang kompeten demi prinsip urus tadbir yang baik.

JAWAPAN:

- a) Pada masa ini, tiada sebarang pelan tindakan bagi menghapuskan atau meminimumkan lantikan politik di Lembaga Pengarah/Pemegang Amanah di Anak Syarikat dan Badan Berkanun Kerajaan Negeri.

Walaupun terdapat di antara Ahli Lembaga Pengarah/Pemegang Amanah Lembaga Pengarah/Pemegang Amanah di Anak Syarikat dan Badan Berkanun Kerajaan Negeri yang berkecimpung secara aktif dalam bidang politik, tetapi lantikan mereka adalah berdasarkan kepada keilmuan, pengalaman, keperluan mengikut Enakmen atau *Memorandum Of Article* dan kelayakan dalam bidang yang diperlukan dalam sesebuah Anak-Anak Syarikat mahupun Badan-Badan Berkanun.

Keahlian mereka dalam Lembaga juga tidak bersifat dominan di mana keputusan yang dibuat dalam Lembaga adalah keputusan yang bersifat majoriti. Keahlian Ahli Lembaga juga sememangnya terdiri daripada golongan profesional yang berkomitmen dalam menjalankan tanggungjawab masing-masing dengan penuh dedikasi dan komited tanpa sebarang sentimen yang bersifat memenuhi kepentingan mana-mana individu atau parti politik secara khusus.

Penglibatan ahli politik dalam Anak-Anak Syarikat mahupun Badan-Badan Berkanun Kerajaan Negeri juga bukanlah menjadi satu kesalahan selagi garis panduan dan etika tadbir urus korporat organisasi dipatuhi dan dipelihara. Selain itu, ahli politik juga merupakan individu yang mewakili rakyat. Justeru, aktiviti/pengurusan Anak Syarikat dan Badan Berkanun dapat dilaporkan secara telus dan berintegriti dalam memenuhi kepentingan rakyat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM
(N46 PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : LAPORAN TAHUNAN PRESTASI GLC SELANGOR

236. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Komitmen Kerajaan Negeri untuk memberi laporan setiap suku tahunan kepada semua ADUN dan membuat pembentangan tahunan dalam Dewan mengenai prestasi strategik, kewangan dan operasi kesemua Anak Syarikat Negeri selari dengan amalan ketelusan dan bertanggungjawab.

JAWAPAN:

- a) Pada masa ini Anak Syarikat Kerajaan Negeri adalah di bawah pemantauan Kerajaan Negeri melalui Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) (MBI) yang memainkan peranan agresif dalam membantu menstrukturkan semula fungsi dan peranan Anak Syarikat Kerajaan Negeri.

Secara rutinnya, laporan kewangan Anak-Anak Syarikat Kerajaan Negeri di kemukakan setiap bulan kepada MBI untuk diteliti prestasinya dan seterusnya merangka strategi yang bersesuaian untuk jangka masa panjang.

Pada masa ini, pihak Kerajaan Negeri berpandangan tiada keperluan untuk membentangkan laporan Anak Syarikat Kerajaan Negeri pada setiap suku tahunan kepada semua ADN dan membuat pembentangan tahunan dalam Dewan. Ini kerana prestasi kewangan Anak-Anak Syarikat ini diaudit oleh Juraudit Bertauliah dan boleh dibentangkan dalam Jawatankuasa Pilihan Khas Kerajaan Negeri seperti Jawatankuasa Pilihan Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat (JPABBAS) sekiranya terdapat keperluan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM
(N46 PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : PENGURUSAN PERUMAHAN BERTINGKAT

237. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Hasil sebarang tinjauan awal ke atas semua bangunan kediaman bertingkat tinggi di Selangor di samping cadangan merangka pelan tindakan baru bagi mengelakkan risiko bencana seperti kebakaran yang menimpa Grenfell Tower di London baru-baru ini, tanah runtuh atau bangunan tumbang.

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM
(N46 PELABUHAN KLANG)**

**TAJUK : PEMANTAUAN KERJA PEMBINAAN PROJEK LEBUHRAYA LEMBAH
KLANG TIMUR (EKVE)**

238. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Laporan pemantauan oleh pihak berkuasa tempatan terhadap kerja-kerja pembinaan projek Lebuhraya EKVE yang melibatkan tiga hutan simpan di Selangor termasuk Hulu Gombak, Ampang dan Hulu Langat untuk mengekalkan kawasan warisan dunia Banjaran Kuarza Klang Gate.

JAWAPAN:

- a) Pemantauan dilaksanakan oleh MPAJ dan agensi kerajaan berkaitan termasuk Jabatan Perhutanan dan juga Lembaga Lebuhraya Malaysia(LLM). Jajaran lebuhraya telah diluluskan dan pembinaan adalah berdasarkan pelan kelulusan bagi mengekalkan kawasan warisan dunia Pematang Kuarza Gombak Selangor.

Pembinaan EKVE tidak melibatkan kawasan zon penampungan Permatang Kuarza Gombak Selangor yang di dalam proses pengiktirafan tapak warisan dunia di UNESCO. Pemantauan sentiasa dilakukan.